

# **MEMACU**

Transformasi

# **MENJANA**

Pertumbuhan

Laporan MITI  
2011



Kementerian Perdagangan  
Antarabangsa dan Industri Malaysia



## KANDUNGAN

Prakata <i>MITI memacu transformasi dan menjana pertumbuhan</i>	2
Pengurusan Atasan MITI	6
Sekilas Pandang <i>Prestasi perdagangan Malaysia 2011</i>	12
Mempereratkan Hubungan Perdagangan Antarabangsa <i>Dagangan Malaysia dengan pasaran tradisi berkembang pada 2011, sepetimana peningkatan dalam kepentingan dagangan dengan pasaran baru muncul</i>	18
Produk Baru, Peluang Baru <i>Sektor pembuatan bergerak melepas pembuatan pemasangan tambah nilai rendah kepada subsektor tambah nilai tinggi</i>	38
Lonjakan Dalam Pertumbuhan Didorong Oleh Sektor Perkhidmatan <i>Sektor perkhidmatan menjadi pemacu pertumbuhan untuk transformasi ekonomi negara</i>	76
Membangunkan PKS Dan Perusahaan Bumiputera <i>Masa depan pertumbuhan negara terletak pada perusahaan kecil dan sederhana</i>	100
Lampiran	134

ISSN 0128-7524

Jun 2012

© Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia 2011

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada penerbit. Semua fakta dan maklumat adalah benar pada saat percetakan.

Untuk membeli naskah ini atau untuk maklumat lain, sila hubungi:

Pengarah Kanan  
Bahagian Perancangan Strategik  
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia  
Tingkat 15, Blok 8  
Kompleks Pejabat Kerajaan  
Jalan Duta, 50622 Kuala Lumpur  
Tel: +603-6203 4571 Faks: +603-6201 2573  
Laman web MITI: [www.miti.gov.my](http://www.miti.gov.my)  
E-mel: [mitiweb@miti.gov.my](mailto:mitiweb@miti.gov.my)

Reka bentuk, aturhuruf dan percetakan oleh

Sasyaz Holdings Sdn. Bhd. (219275-V)  
29, Jalan PJU 3/48  
Sunway Damansara Technology Park  
47810 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia  
Tel: +603 7803 3754  
Faks: +603 7804 8245  
E-mel: [sasyaz88@streamyx.com](mailto:sasyaz88@streamyx.com)

Harga: RM60.00

# **MEMACU**

## **Transformasi**

# **MENJANA**

## **Pertumbuhan**

# **Laporan MITI**

## **2011**



Kementerian Perdagangan  
Antarabangsa dan Industri Malaysia



## PRAKATA



### **YB Dato' Sri Mustapa Mohamed**

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Malaysia

## Memacu Transformasi, Menjana Pertumbuhan

Ekonomi Malaysia pada tahun 2011 berkembang 5.1 peratus semasa berhadapan keadaan ekonomi dunia yang mencabar. Sektor pembuatan telah mengalami pertumbuhan sebanyak 4.5 peratus, manakala sektor perkhidmatan pula sebanyak 6.8 peratus.

Jumlah dagangan mencecah RM1.3 trillion, iaitu peningkatan sebanyak 8.7 peratus berbanding tahun 2010. Meskipun bencana alam di Thailand dan Jepun telah memberi kesan kepada rantai bekalan sektor pembuatan, jumlah eksport negara telah meningkat kepada RM694.5 bilion, manakala jumlah import pula mencecah RM574.2 bilion.

Secara keseluruhan, negara telah berjaya mengekalkan tarikannya sebagai destinasi pelaburan pilihan bagi para pelabur, dan sektor perindustrian negara telah melakukan anjakan kepada pengeluaran produk dan perkhidmatan tambah nilai yang lebih tinggi, selaras dengan hala tuju strategik yang ditetapkan di bawah Program Transformasi Ekonomi.



Perindustrian di Malaysia terdiri daripada perlادangan dan industri kecil-kecilan sehingga ke pembuatan tambah nilai tinggi.

### **Transformasi: Satu Perspektif Strategik**

Peningkatan daya saing negara merupakan teras misi MITI. Inisiatif-Inisiatif Kementerian memberi fokus kepada peningkatan produktiviti, penggalakkan inovasi dan pewujudan persekitaran kondusif bagi menjalankan perniagaan.

Objektif utama MITI di luar negara adalah untuk mewujudkan hubungan perdagangan yang adil dan memberi manfaat kepada rakan dagang di seluruh dunia. Pada tahun 2011, Malaysia telah menandatangani perjanjian kerjasama ekonomi yang penting dengan India dan Chile. Manakala di dalam negara pula, fokus utama adalah kepada penggalakkan pelaburan berteknologi tinggi dan industri berdasarkan pengetahuan, terutamanya dalam sektor perkhidmatan.

Melalui program turun padang yang diadakan, Kementerian juga dapat memahami keperluan dan masalah yang dihadapi oleh usahawan kecil dan sederhana di peringkat akar umbi. Di samping itu untuk mendapat maklum balas daripada mereka yang terlibat.

### **Mencari Penyelesaian**

Unjurian ekonomi global pada masa hadapan adalah sesuatu yang tidak dapat dipastikan dengan tepat. Ketidaktentuan akibat krisis hutang kerajaan di kawasan Euro dan pemulihan ekonomi Amerika Syarikat yang perlahan akan terus menggugat prospek pertumbuhan kebanyakan negara di dunia.

Pada masa lalu, ekonomi negara berjaya berdiri kukuh sebelum kemunculan ekonomi baru, ini membuktikan daya tahan negara dalam menghadapi cabaran yang sukar.



Kilang pemasangan motosikal MODENAS.

Dalam tempoh 40 tahun, Malaysia telah dapat mengekalkan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak lima peratus atau lebih. Ini mencerminkan kemampuan daya tahan asas ekonomi negara. Usaha membangunkan daya tahan asas ekonomi ini harus diteruskan dan diperkuuhkan dengan kelebihan-kelebihan yang dimiliki telah menjadikan kita sebagai salah sebuah negara yang paling kompetitif di dunia: kestabilan politik, kerajaan yang terbuka dan demokratik, kedaulatan undang-undang, pengurusan ekonomi yang berhemat, infrastruktur yang baik, tenaga kerja mahir dan produktif dan persekitaran yang menyokong perniagaan.

Kita akan terus memberi tumpuan ke atas matlamat-matlamat ini. MITI sentiasa berusaha memacu untuk mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam dan mengurangkan halangan dalam menjalankan perniagaan. Kementerian juga akan terus mempromosi keusahawanan dan menggalakkan produktiviti serta inovasi yang lebih tinggi dalam semua industri. MITI akan memberikan perhatian khusus kepada pembangunan sektor perkhidmatan agar ia dapat memberi sumbangan lebih besar dalam output ekonomi. Manakala, di peringkat antarabangsa, MITI akan terus berusaha melindungi kepentingan Malaysia dalam perdagangan antarabangsa dan melibatkan diri dengan negara lain di dunia bagi membina hubungan yang saling menguntungkan.

Kesimpulannya, kita menyedari bahawa hala tuju ekonomi Malaysia adalah bergantung kepada prestasi sektor swasta jua. Justeru peranan utama kerajaan adalah untuk terus kekal sebagai fasilitator, manakala para usahawan dan syarikat berperanan dalam menambah nilai dan memacu pertumbuhan ekonomi. MITI sentiasa menyokong usaha-usaha sektor swasta agar dapat bersama-sama membawa kemakmuran kepada semua rakyat Malaysia.



**PENGURUSAN  
ATASAN  
MITI**

## PENGURUSAN ATASAN



Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Malaysia  
(seperti pada Jun 2012)

Cik Tay Lee Looi  
Pengarah Kanan (Dasar dan Penyelarasan Rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA))

En. Ravidran Palaniappan  
Pengarah Kanan (Kerjasama Ekonomi ASEAN)


En. Mohamed Shahabar Abdul Kareem  
Pengawal Perdagangan Strategik

Tuan Syed Muhammad Syed Nadzir  
Ketua Komunikasi Korporat






**SEKILAS  
PANDANG**

**Carta 1: Jumlah Perdagangan, 2010-2011**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Carta 3: Lima Destinasi Utama Eksport, 2011**

Jumlah: RM694.5 bilion




Nota: Lain-lain termasuk Hong Kong SAR, India dan Republik Korea (ROK).

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Carta 4: Eksport Malaysia Mengikut Rantau, 2011**

Jumlah: RM694.5 bilion




Nota: Lain-lain termasuk Oceania, Asia Barat and Afrika.


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Carta 2: 10 Eksport Utama mengikut Sektor Produk, 2011**

Jumlah: RM694.5 bilion

Nota: Lain-lain termasuk Produk Kayu, Lain-lain Pembuatan, Makanan Diproses dan Getah Asli.  
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia**Carta 5: Lima Sumber Utama Import, 2011**


Jumlah: RM574.2 bilion



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


**Carta 6: Import Mengikut Rantau, 2011**

Jumlah: RM574.2 bilion




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Carta 7: Pertumbuhan Perdagangan Malaysia, 2001-2011**




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Chart 8: Pelaburan Domestik dan Asing Dalam Projek yang Diluluskan, 2006-2011**




Sumber: Malaysia – Laporan Prestasi Pelaburan 2011, MIDA

**Carta 11: Pelaburan Asing Dalam Sektor Perkhidmatan, 2007-2020 (Jangkaan)**




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Carta 12: Jumlah Faktor Produktiviti bagi Sektor Pembuatan dan Perkhidmatan**




Sumber: Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

**Carta 9: Nisbah Pelaburan Modal bagi Setiap Pekerja (CIPE) bagi Projek yang Diluluskan, 2000-2011**




Sumber: Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)

**Carta 10: Pelaburan Dalam Sektor Perkhidmatan Malaysia, 2011 (RM bilion)**




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Carta 13: Program SME Penilaian Daya Saing bagi Peningkatan PKS (SCORE), 2007-2011**



Sumber: SME Corp. Malaysia

**Carta 14: Jumlah Syarikat 1-InnoCERT**



\* Jumlah bagi 2012 sehingga Mei 2012



**MEMPERERATKAN  
HUBUNGAN  
PERDAGANGAN  
ANTARABANGSA**

Permintaan dunia bagi produk besi dan keluli yang semakin meningkat memacu pengeluaran gelendong keluli di Malaysia.

Gelungan keluli untuk pasaran global.

*Malaysia telah sekian lama menjadi rakan dagang kepada negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan Jepun. Namun begitu, proses transformasi kepada sebuah negara yang berpendapatan tinggi akan bergantung kepada keupayaannya mempereratkan hubungannya dengan negara-negara yang membangun.*

Sepanjang dekad yang lalu, pusat ekonomi dunia telah mengalami anjakan yang signifikan. Kuasa-kuasa besar ekonomi dunia seperti Amerika Syarikat (AS) dan Jepun kini sedang menghadapi isu-isu pengangguran dan perkembangan ekonomi yang lembab , manakala kebanyakan ekonomi Eropah pula terperangkap dalam kemelut krisis kewangan. Walaupun negara-negara maju ini masih mempunyai pengaruh ke atas hal ehwal ekonomi global, negara-negara membangun, khususnya di Asia, semakin mengambil bahagian dan peranan yang lebih besar dalam ekonomi global.



### Akta Perdagangan Strategik 2010: Mempermudahkan Perdagangan dalam Persekutuan yang Selamat

Sebagai sebuah negara perdagangan utama di dunia, Malaysia komited kepada matlamat pemeliharaan keamanan dan keselamatan antarabangsa dengan memerangi percambahan Senjata Pemusnah Besar-besaran (WMD). Sehubungan dengan itu, Malaysia telah menggubal Akta Perdagangan Strategik 2010 (STA 2010), yang berfungsi sebagai undang-undang yang mengawal eksport, trans-penghantaran, transit dan agen barang strategik, termasuk senjata dan bahan berkaitan, serta kegiatan yang akan atau memudahkan rekabentuk, pengembangan, pengeluaran dan penghantaran senjata pemusnah besar-besaran (WMD). Akta tersebut telah digubal selaras dengan komitmen Malaysia terhadap pelaksanaan Resolusi 1540 (UNSCR 1540) Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pada 2004 di mana negara-negara ahli perlu mewujudkan langkah-langkah perundangan dan peraturan yang komprehensif untuk mengawal

eksport barang dan teknologi strategik ini kepada pengguna negara dan bukan negara.

Sekretariat Perdagangan Strategik (STS) telah ditubuhkan di MITI untuk menyelaras pelaksanaan STA 2010. Selain dari STS, tiga agensi-agensi lain iaitu Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (AELB), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dan Bahagian Perkhidmatan Farmasi bertanggungjawab mengeluarkan permit untuk barang di bawah STA 2010. Senarai Barang Strategik dalam Perintah Perdagangan Strategik (Barang Strategik) 2010 telah menggunakan Senarai Kawalan Eksport Kesatuan Eropah dan ini termasuklah barang ketenteraan serta barang dwi-guna. Malaysia merupakan salah satu daripada dua negara di ASEAN yang memiliki undang-undang kawalan eksport dan menyediakan perkhidmatan permohonan permit dalam talian pada tahun 2011 sebagai sebahagian daripada kaedah pelaksanaan STA 2010. Pendekatan pantas dan mesra perniagaan dari Malaysia untuk mengawal barang strategik

ini menjadi contoh memudahkan cara perdagangan dalam persekitaran perdagangan yang selamat di rantau ini dan di peringkat global. Memandangkan pelaksanaan STA 2010 adalah berdasarkan pengisytiharan-diri, tanggungjawab untuk mengklasifikasi produk sebagai strategik adalah bergantung kepada individu atau entiti yang menjalankan aktiviti perniagaan yang berkaitan. Satu lagi elemen penting dalam STA 2010 adalah individu atau entiti yang menjalankan aktiviti perniagaan perlu menyedari mengenai kegunaan akhir dan pengguna akhir produk itu. Adalah menjadi kewajipan syarikat untuk melakukan pemeriksaan dan usaha-usaha yang wajar dalam menentukan penggunaan dan pengguna bagi sesuatu produk sebelum produk strategik dieksport.

STA 2010 tidak bermatlamat untuk menjadi penghalang kepada sebarang perdagangan yang dijalankan secara sah dari segi undang-undang, tetapi ia bertujuan bagi memastikan wujudnya keseimbangan antara menjaga kepentingan ekonomi negara dengan tanggungjawab menjaga keselamatannya. Pematuhan kepada STA 2010 mencerminkan usaha-usaha menjadikan syarikat-syarikat di Malaysia terdiri daripada pedagang-pedagang yang

bertanggungjawab dan keadaan ini pada akhirnya akan menaikkan imej mereka di antara komuniti perdagangan global. Pelaksanaan yang lancar dan efektif adalah penting bagi memastikan perniagaan yang sah tidak mengalami gangguan dan pada masa yang sama keselamatan negara tidak terjejas. Faedah-faedah yang akan dinikmati oleh negara dan komuniti perniagaan hasil daripada pematuhan STA 2010 adalah seperti berikut:

1. Peningkatan imej Malaysia sebagai destinasi untuk pelaburan asing;
2. Mempermudah dan menguruskan eksport barang dan komponen teknologi tinggi dari Malaysia;
3. Melindungi kepentingan pengeksport Malaysia daripada dieksplotasi oleh mereka yang bertanggungjawab kepada percambahan barang strategik tanpa mengganggu aktiviti perdagangan yang sah;
4. Mempromosikan Malaysia sebagai negara yang selamat berdagang kepada negara lain.

Malaysia telah mengambil langkah-langkah untuk menghadapi perubahan-perubahan dalam ekonomi global hari ini, dan berusaha untuk mengeratkan hubungan dengan pusat-pusat ekonomi baru dan baru muncul di dunia, dan pada masa yang sama meningkatkan usaha-usaha mengukuhkan hubungan perdagangan dengan rakan dagang tradisinya.

### Perdagangan dengan Rantau-rantau Berkepentingan Tinggi.

Malaysia terus mendapat manfaat daripada keahliannya dalam Persatuan Negara-negara

Asia Tenggara (ASEAN) apabila kumpulan perdagangan ini memperkuatkan kedudukannya untuk menjadi sebuah rantau ekonomi bersepadu menjelang 2015.

Pada akhir tahun 2011, Malaysia telah melaksanakan 235 daripada 291 langkah yang dinyatakan dalam Pelan Tindakan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC). Untuk memudah dan mempercepatkan perdagangan, Malaysia telah menerima sistem pensijilan sendiri bagi pengeluaran pengeluaran Sijil Tempasal untuk Perjanjian Perdagangan Barang ASEAN (ATIGA).

Projek perintis ini melibatkan empat negara ASEAN iaitu Malaysia, Singapura, Brunei Darussalam dan Thailand. Sehingga kini, sejumlah 68 syarikat pembuatan dan pengeksport di Malaysia telah diberi kuasa untuk melaksanakan sistem yang baru diperkenalkan ini. MITI mensasarkan untuk meningkatkan bilangan ini kepada 200 syarikat menjelang akhir tahun 2012.



Pengilang Malaysia mencapai standard kualiti yang semakin tinggi.

Tahun 2011 juga menyaksikan penggunaan Rangka Kerja ASEAN bagi Pembangunan Saksama: Prinsip Panduan untuk Pertumbuhan Inklusif dan Lestari, yang menyediakan prinsip panduan untuk Pertumbuhan Inklusif dan Lestari, bagi semua badan-badan sektoral di bawah Tunggak AEC, dengan tujuan untuk meningkatkan lagi tiga Pelan Tindakan AEC dan memastikan integrasi ekonomi serantau membantu membasmi kemiskinan serta merapatkan jurang pembangunan dalam ASEAN. Di samping itu, Rangka Kerja ASEAN bagi Kerjasama Ekonomi Komprehensif Serantau yang juga diterima pakai pada tahun 2011 akan memperluas dan memperdalamkan lagi penglibatan ASEAN dengan rakan kongsi Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dan *Closer Economic Partnership (CEP)* dan kemudiannya dengan lain-lain rakan kongsi luar ekonomi ke arah perjanjian perkongsian ekonomi serantau yang lebih komprehensif.

Tujuh Negara Ahli (termasuk Malaysia) telah melaksanakan Pakej ke-8 dalam Perjanjian Rangka Kerja ASEAN mengenai Perkhidmatan (AFAS),

Barisan pemasangan automotif sedang beroperasi.



yang melibatkan liberalisasi yang besar oleh ekonomi masing-masing. Menyedari kesukaran yang dihadapi oleh negara-negara anggota,



Subsektor produk minyak sawit mewujudkan pekerjaan bagi pekerja Malaysia.

Menteri-menteri Ekonomi ASEAN telah bersetuju untuk menggabungkan baki tiga pakej AFAS kepada dua pakej yang akan siap pada tahun 2013 dan 2015 dan membangunkan halatuju yang jelas ke arah penyelesaian AFAS. Salah satu inisiatif utama dalam sektor perkhidmatan yang bermula pada 2011 adalah Perjanjian ASEAN mengenai Pergerakan Pekerja Profesional (MNP), yang disasarkan untuk dimuktamadkan pada Ogos 2012.

Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-China (ACFTA) sedang menuju ke arah pelaksanaan penuh, dengan Republik Rakyat China (PRC) dan ahli-ahli ASEAN menandatangani Protokol untuk Melaksanakan Pakej Kedua Komitmen Khusus di bawah Perjanjian Perdagangan dalam Perkhidmatan bagi Rangka Kerja Perjanjian mengenai Kerjasama Ekonomi Komprehensif di antara ASEAN dan China di Bali semasa Sidang Kemuncak ASEAN ke-19. Malaysia telah mewartakan Senarai Sensitif (SL) dan Senarai Amat Sensitif (HSL) ASEAN-China di bawah Perjanjian Rangka Kerja Ekonomi Komprehensif ASEAN-China.



En. See Chee Kong

#### **MITI Beijing**

Pada 2011, MITI Beijing menganjur dan memudahkan beberapa aktiviti ekonomi, perdagangan dan pelaburan peringkat tinggi yang melibatkan pemimpin MITI di PRC. Aktiviti-aktiviti peringkat tinggi ini termasuk Mesyuarat Kerjasama Ekonomi dan Suruhanjaya Perdagangan Malaysia-China Kesembilan, Mesyuarat Kumpulan Kerja Kerjasama Ekonomi Malaysia-China yang Pertama, EKSPO China-ASEAN (dengan Malaysia sebagai negara yang diberi penghormatan) dan pengkonsepan Taman Perindustrian Qinzhou China Malaysia. MITI Beijing juga membantu mempromosikan peluang-peluang perdagangan dan pelaburan di Malaysia kepada pelabur berpotensi di PRC dan memfasilitasi pelaburan dan perdagangan bagi syarikat-syarikat Malaysia di PRC.

PKS seperti perniagaan kraf tangan ini merupakan majoriti syarikat Malaysia.



En. Isham Ishak

### **MITI Washington DC**

Pada tahun 2011, Miti Washington DC telah terlibat dengan Sidang Kemuncak APEC dari 9-13 November 2011 di Honolulu, Hawaii, di mana YB Dato' Sri Mustapa Mohamed telah menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri APEC. Di samping itu, Miti Washington DC menyelaraskan beberapa lawatan ke Amerika Syarikat oleh Perdana Menteri YAB Dato Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak dan juga Timbalan Perdana Menteri YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin bagi membincangkan perkara yang berkaitan dengan perdagangan dan industri.



### **Meneruskan Pertumbuhan Perdagangan dengan Pasaran Tradisi**

AS merupakan rakan dagang keempat terbesar Malaysia pada tahun 2011 dengan menyumbang 8.9 peratus kepada jumlah perdagangan Malaysia. Eksport ke AS pada 2011 berjumlah RM57.6 bilion, manakala import pula berjumlah RM55.4 bilion. AS yang menjadi ahli kepada rundingan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPP) sejak tahun 2008 sedang bekerja rapat dengan

*“Perjanjian Perdagangan Barang ASEAN-India ini hanyalah satu permulaan. Kira-kira 10 hari yang lalu, Menteri Anand Sharma dan saya telah menandatangani Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Malaysia India (MICECA) di Kuala Lumpur. India kini mempunyai FTA dua hala dengan Singapura dan Program Penuaian Awal dengan Thailand, dan mula bekerjasama rapat dengan Indonesia. Mengenai usaha memanfaatkan FTA ASEAN-India, Menteri Anand Sharma dan saya bertukar-tukar pandangan dalam meningkatkan usaha kami untuk segera memuktamadkan perjanjian perkhidmatan dan pelaburan ASEAN-India. Kita mesti bekerjasama untuk melengkapkan perjanjian-perjanjian ini supaya kita mempunyai penglibatan lebih inklusif yang akan memberi manfaat kepada komuniti perniagaan kita.”*

YB Dato Seri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, di Majlis Perasmian Pameran Perniagaan dan Sidang Tertutup Perniagaan India-ASEAN, 2 Mac 2011

Malaysia untuk menangani isu-isu yang belum diselesaikan dalam perjanjian itu. Melangkah ke tahun 2012, pengeluaran Malaysia dari senarai pemerhatian hak harta intelek cetak rompak peringkat terendah oleh Trade Representatives Amerika Syarikat (USTR) akan mengukuhkan lagi penglibatan perdagangan dengan AS. Program Transformasi Ekonomi (ETP) juga dijangka menjadikan Malaysia lebih menarik bagi pelaburan AS pada 2012.

Malaysia mengekalkan hubungan perdagangan yang sudah lama terjalin dengan beberapa negara Kesatuan Eropah (EU). Jerman merupakan rakan dagang Malaysia yang kesepuluh terbesar pada tahun 2011, dengan jumlah perdagangan meningkat sebanyak 4.4 peratus kepada RM40.4 bilion (3.2 peratus daripada jumlah perdagangan). Eksport ke Jerman pada tahun 2011 berjumlah RM18.4 bilion dan import berjumlah RM22.0 bilion.

Negara Belanda menjadi rakan dagang Malaysia yang ke-13 terbesar dan destinasi eksport ke-12 terbesar pada tahun 2011, dengan eksport berjumlah RM19.3 bilion. Belanda juga merupakan pasaran eksport keempat terbesar bagi syarikat-syarikat Malaysia yang mendapat pengesahan sijil halal, dan industri halal seharusnya membuka peluang untuk mengembangkan eksportnya ke negara-negara EU pada masa depan. Perancis adalah rakan dagang Malaysia yang ke-16 terbesar pada tahun 2011, dengan jumlah eksport RM8.1 bilion dan import pula bernilai RM10.6 bilion.

Penubuhan kewangan Islam di pusat-pusat kewangan utama di EU seperti London dan Luxembourg dijangka meningkatkan perdagangan dan pelaburan antara Malaysia dan EU pada tahun 2012 dan tahun-tahun seterusnya. Sehingga kini, Malaysia telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dalam kewangan Islam dengan United Kingdom (UK), Perancis dan Luxembourg.

### Perkembangan Utama dalam Perdagangan dan Perjanjian Perdagangan


Bencana banjir di Thailand telah memberi kesan ke atas 50 syarikat Malaysia yang beroperasi di negara itu pada tahun 2011. Walau bagaimanapun, tindakan pantas oleh kerajaan Thailand berjaya mengurangkan kesan ekonomi disebabkan bencana tersebut dan memastikan pertumbuhan ekonomi yang berterusan. Perdagangan dua hala Malaysia dengan Thailand meningkat sebanyak 4.6 peratus kepada RM70.2 bilion pada tahun 2011, merupakan 5.5 peratus daripada jumlah perdagangan global Malaysia. Eksport dan import masing-masing menyumbang kepada separuh daripada perdagangan ini.

Perdagangan Malaysia dengan Jepun juga meningkat pada tahun 2011, walaupun dilanda bencana tsunami dan nuklear di Fukushima. Jumlah perdagangan dua hala dengan Jepun meningkat sebanyak 9.0 peratus kepada RM145.3 bilion pada tahun 2011, kebanyakannya disumbangkan oleh 7.8 peratus lonjakan dalam eksport barang pembuatan Malaysia seperti produk elektrik dan elektronik (E&E).

Pada tahun 2010, Malaysia memuktamadkan perjanjian perdagangan bebas dua hala (FTA) dengan India dan Chile dan memulakan rundingan dengan Turki dan EU. Pada tahun yang sama, Malaysia juga telah diterima sebagai ahli perundang penuh dalam Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPP). Malaysia juga telah mengadakan perbincangan dua hala dengan Australia sejak 2005 dan dijangka memuktamadkan perjanjian perdagangan dengan negara itu pada tahun 2012.


Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Malaysia-India (MICECA) telah dilaksanakan pada tahun sebelumnya, di mana perdagangan di antara kedua-dua negara ketika itu meningkat sebanyak 32.7 peratus (lihat Carta 1). Jumlah eksport Malaysia ke India berjumlah RM28.2 bilion tahun lepas, kebanyakannya terdiri daripada bahan api mineral, minyak sawit, produk elektronik dan produk kayu. MICECA juga menyediakan Malaysia peluang kepada akses pasaran dalam penawaran perkhidmatan pembinaan dan kejuruteraan berkaitan infrastruktur ke India.

**Carta 1: Dagangan Malaysia dengan India, 2007-2011**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Carta 2: Dagangan Malaysia dengan Chile, 2007-2011**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia



En. Muthafa Yusof

### MITI New Delhi

Pada tahun 2011, MITI New Delhi membantu menggalakkan hubungan perdagangan dan ekonomi antara Malaysia dan India melalui sesi dialog. Pada 19 Julai 2011, MITI New Delhi telah mengadakan sesi dialog bagi membincangkan peluang pelaburan di India dan lain-lain topik yang berkaitan seperti Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Malaysia-India (MICECA). Pada 28 November 2011 pula, Encik Muthafa Yusof bertemu dengan usahawan tempatan di Kolkata untuk memberikan taklimat terkini tentang hubungan ekonomi antara Malaysia dan India dan untuk membincangkan kemungkinan usahasama ekonomi.

FTA Malaysia dengan Chile telah dijadual untuk dilaksanakan pada bulan Februari 2012. Ini dimungkinkan selepas kedua-dua negara menandatangani perjanjian pada 2010 dan mengesahkan perjanjian tersebut pada tahun 2011. Chile merupakan ekonomi Amerika Latin yang utama dari segi pendapatan per kapita dan memiliki ekonomi yang bebas dengan jumlah penduduk seramai 17.0 juta. Syarikat-syarikat dari Malaysia masih belum menerokai potensi yang ditawarkan Chile tersebut. Apabila Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Chile (MCFTA) dilaksanakan kelak, sejumlah 6,960 barisan tarif (90.2 peratus) ke atas produk Malaysia akan dihapuskan, ini akan membuka akses yang lebih kepada syarikat-syarikat Malaysia kepada pengguna Chile yang maju dan sektor perindustriannya – sememangnya, jumlah eksport Malaysia ke Chile melonjak hampir 30.0 peratus pada tahun 2011. Ini adalah lebih awal daripada tarikh akhir pelaksanaan (lihat Carta 2). Chile juga merupakan pengeluar tembaga terbesar di dunia. Perkara ini merupakan berita baik bagi sektor pembuatan Malaysia disebabkan sektor ini memerlukan logam mentah tersebut dalam pengeluaran barang elektronik dan elektriknya.

Bilik dandang di sebuah hospital.



### **Meningkatkan Kemasukan ke dalam Pasaran bagi Pengeksport dan Menuju Ke Arah Pensijilan Sendiri**

Sistem Elektronik Sijil Tempasal Berkeutamaan (ePCO) adalah sistem permohonan dan kelulusan Sijil Tempasal berdasarkan laman sesawang yang membantu pengeksport mengambil kesempatan atas manfaat Perjanjian Perdagangan Bebas dan skim lain. Seksyen Kerjasama Perdagangan dan Koordinasi Perindustrian MITI mengendalikan program outreach dan kesedaran ePCO pada tahun 2011 untuk meningkatkan kesedaran dan penggunaan sistem ini.

MITI juga bergerak ke arah pelaksanaan Sistem Pensijilan Sendiri. Malaysia dan tiga Negara Ahli ASEAN (Brunei Darussalam, Singapura dan Thailand) kini melaksanakan Fasa II Projek Perintis Pensijilan Sendiri bagi Perjanjian Perdagangan Barang ASEAN (ATIGA) dari 1 November 2011 hingga 31 Oktober 2012. Sehingga kini, Malaysia telah melantik 68 pengeksport yang diperakui yang terdiri daripada pengeluar dan pedagang.

Melangkah ke 2012, MITI akan terus mengendalikan program outreach bagi mempromosikan permohonan Analisis Kos (CA) dan Sijil Tempasal (COO) melalui ePCO. Ia juga akan meluaskan dan melaksanakan Sistem Pensijilan Sendiri bagi semua skim yang lain, dengan matlamat mendapatkan sehingga 200 syarikat Pengeksport Diperakui pada penghujung 2012.

Lokasi geografi Malaysia menjadikannya pusat perdagangan maritim.



Pn. Hiswani Harun

#### **MITI Geneva**

MITI Geneva menganjur dan membantu penyertaan Malaysia dalam Forum Ekonomi Dunia (WEF) 2011 di Davos pada Januari 2011, termasuk penyertaan YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Dato' Sri Mustapa Mohamed juga mengambil bahagian dalam Persidangan Menteri-Menteri WTO Kelapan di Geneva pada Disember 2011.

Malaysia terus memainkan peranan aktif dalam rundingan di Geneva, mempergerusikan dua Jawatankuasa WTO pada tahun 2011, Sesi Tetap Jawatankuasa Perdagangan dan Alam Sekitar (CTE) dan Jawatankuasa Perjanjian Teknologi Maklumat (ACP). Malaysia juga akan mempergerusikan Sesi Khas CTE pada tahun 2012.



Malaysia dan Chile merupakan ahli-ahli rundingan dalam Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPP) yang telah memasuki pusingan ke-10 pada tahun 2011. Ahli-ahli telah berjaya mencapai kata sepakat bagi rangka perjanjian yang meluas, di mana pemimpin-pemimpin TPP telah melahirkan hasrat mereka untuk memuktamadkan rundingan menjelang akhir tahun 2012. Perjanjian ini apabila direalisasikan kemudian akan mewujudkan satu pasaran tunggal yang besar meliputi hampir setengah bilion pengguna. Pada Sidang Kemuncak APEC 2011, Jepun, Kanada dan Mexico telah menunjukkan minat untuk menyertai TPP pada masa akan datang. Malaysia juga meneruskan perjanjian perdagangan bebas dengan ekonomi utama yang lain termasuk Australia, Turki dan EU.

#### **Memupuk Perhubungan Perdagangan Pelbagai Hala**

Rundingan Pusingan Doha di Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) mencapai kemajuan yang terhad pada tahun 2011, tetapi terdapat perkembangan dalam bidang-bidang perdagangan pelbagai hala yang lain. Secara

keseluruhan, 30 negara-negara membangun terlibat dalam proses penyertaan ke dalam WTO termasuk Afghanistan, Iran, Iraq, Kazakhstan, Republik Demokratik Rakyat Laos (Lao PDR) dan Rusia. Dengan langkah-langkah pembukaan pasaran Rusia berikutnya penyertaannya dalam WTO, lebih banyak peluang eksport akan diwujudkan bagi Malaysia.

Rundingan mengenai perkhidmatan di WTO telah dipergiatkan pada tahun 2011 yang meliputi empat bidang utama: akses pasaran, peraturan domestik, peraturan GATS, dan pelaksanaan modus LDC. Walaupun sedikit kemajuan telah dicapai dalam rundingan mengenai akses pasaran dan peraturan GATS, terdapat kemajuan yang ketara dalam rundingan yang berkitar pada peraturan domestik. Ahli-ahli WTO juga menolak pusingan baru bagi rundingan untuk menyemak semula Perjanjian Teknologi Maklumat (ITA), di mana Malaysia merupakan ahli. Kebanyakan ahli berpendapat bahawa ITA perlu diperluaskan untuk merangkumi produk dan ahli-ahli baru dan termasuk perbincangan berkenaan Halangan Bukan Tarif kepada perdagangan.

Jumlah perdagangan Malaysia dengan negara-negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) turut menunjukkan peningkatan memberangsangkan sebanyak 19.9 peratus tahun lalu, daripada RM121.5 bilion pada tahun 2010 kepada RM145.7 bilion pada tahun 2011. Eksport Malaysia ke negara-negara ini meningkat sebanyak 14.0 peratus kepada RM76.1 bilion, manakala import meningkat sebanyak 27.0 peratus kepada RM69.6 bilion. Rakan dagang utama negara dalam OIC ialah Indonesia, Emiriyah Arab Bersatu dan Arab Saudi.

Tahun 2011 merupakan tahun yang memberangsangkan bagi Negara-negara anggota Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC), terutamanya dengan komitmen-komitmen melalui Deklarasi Honolulu. Ini adalah satu usaha untuk menangani isu-isu perdagangan dan pelaburan pada masa depan sebagai batu loncatan ke arah pembentukan FTA di Asia Pasifik (FTAAP). Ekonomi-ekonomi APEC bersetuju untuk berusaha ke arah pengurangan dan penghapusan tarif barang alam sekitar menjelang tahun 2015, dan komitmen yang kukuh juga telah dibuat dalam penghapusan

#### **Perdagangan**

Taman Perindustrian Gurun di Kedah adalah pusat kemudahan bagi pembuatan automotif.



subsidi bahan api, pengurangan intensiti tenaga, kecekapan tenaga, pembangunan pelepasan rendah (*low-emission*) dan larangan ke atas pembalakan haram. Sebagai sektor baru muncul, industri hijau menawarkan alternatif kepada ekonomi global yang sedang mengalami kemelesetan dan memerlukan pendorong untuk bertumbuh.

Walau bagaimanapun, pencapaian utama Deklarasi Honolulu adalah Strategi Baru untuk Pembaharuan Struktur APEC (ANSSR): agenda reformasi pengawalseliaan yang bertujuan menerapkan konsep tidak mendiskriminasi, ketulusan dan kebertanggungjawaban ke dalam budaya pengawalseliaan ekonomi APEC.

Pada sidang kemuncak itu, Pemimpin APEC telah mengenal pasti keutamaan-keutamaan khusus bagi pembaharuan struktur dalam ekonomi mereka sehingga tahun 2015, dengan keutamaan ANSSR Malaysia berdasarkan inisiatif Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang sedang dilaksanakan. Ini termasuklah memodenkan peraturan perniagaan, membangunkan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang berdaya saing dan berdaya tahan dan meningkatkan penglibatan wanita dalam jawatan-jawatan yang berkedudukan tinggi dalam GLC dan sektor korporat. Malaysia juga bercadang untuk meningkatkan kecekapan mengikut empat penunjuk yang digunakan

dalam *World Bank's Ease of Doing Business Report*: memulakan perniagaan, penguatkuasaan kontrak, perdagangan merentasi sempadan dan berurusan dengan permit pembinaan.

Melangkah ke hadapan, ekonomi-ekonomi APEC akan menghadapi cabaran dalam memenuhi kebanyakan komitmen dan *deliverables* yang telah dipersetujui dalam tahun 2011, terutama bagi isu-isu hijau dan alam sekitar. Walau bagaimanapun, ahli-ahli ekonomi berkeyakinan matlamat Bogor akan tercapai. Bagi Malaysia, matlamat dan landasan ke arah mencapai Matlamat Bogor adalah jelas: dengan meningkatkan penyertaan dan penglibatan dalam inisiatif APEC, negara akan menjadi antara penyumbang utama ke arah sasaran kolektif APEC.

## Peningkatan Produktiviti, Penambahbaikan Daya Saing

Tahun 2011 merupakan tahun yang mencabar bagi peningkatan produktiviti, disebabkan krisis kewangan kerajaan di kawasan Euro dan gangguan rantaian bekalan disebabkan bencana alam. Namun begitu, Malaysia menunjukkan prestasi yang baik dalam meningkatkan peningkatan produktiviti.

Produktiviti Malaysia meningkat sebanyak 4.6 peratus atas permintaan domestik yang kuat. Paling ketara, sektor pertanian berkembang sebanyak 6.2 peratus disebabkan oleh peningkatan hasil daripada pengeluaran minyak sawit mentah yang lebih tinggi dan pelaksanaan sebahagian daripada Projek Permulaan (EPP) pertanian seperti pembiakan burung walit, penanaman herba, akuakultur dan pertanian komersil berskala besar. Sementara itu, perkhidmatan meningkat sebanyak 4.9 peratus, didorong terutamanya oleh peningkatan produktiviti dalam komunikasi, perdagangan borong dan runcit dan harta tanah serta perkhidmatan perniagaan.

Secara perbandingan, pertumbuhan produktiviti dalam negara-negara terpilih Organisasi untuk Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) telah menurun disebabkan oleh keadaan ekonomi yang dinyatakan di atas. Walaupun kelembapan ekonomi global memberi kesan kepada prestasi eksport Malaysia, pertumbuhan produktiviti Malaysia bagaimanapun melebihi angka

pertumbuhan yang direkodkan oleh kebanyakan negara-negara OECD. Pertumbuhan produktiviti Malaysia sebanyak 4.6 peratus mele过asi Republik Korea (2.1 peratus), Finland (1.9 peratus), AS (1.2 peratus), UK (0.5 peratus) dan Jepun (-0.2 peratus). Antara negara-negara ASEAN yang terpilih, pertumbuhan produktiviti Malaysia adalah lebih tinggi dari Hong Kong SAR (2.7 peratus), Singapura (2.1 peratus), Chinese Taipei (1.9 peratus) dan Thailand (-1.1 peratus). Bagaimanapun, PRC, Indonesia dan India mencatatkan kadar pertumbuhan yang lebih tinggi dari Malaysia pada 8.7 peratus, 5.0 peratus dan 4.8 peratus masing-masing.

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) memantau dan mengukur daya saing perniagaan Malaysia melalui penggunaan kedudukan daya saing di peringkat antarabangsa. Dalam Laporan Daya Saing Global 2011-2012 (GCR 2011-2012) oleh Forum Ekonomi Dunia (WEF), Malaysia menduduki tangga ke-21 daripada 142 negara, satu peningkatan sebanyak lima anak tangga dari tahun sebelumnya. Malaysia juga telah diiktiraf sebagai lebih mesra perniagaan, seperti yang ditunjukkan oleh skor indeks yang lebih tinggi 5.08 daripada skor maksimum 7. Peningkatan sebanyak 0.2 ini mencerminkan asas-asas kukuh ekonomi Malaysia serta persepsi yang lebih baik terhadap negara.

Antara tunggak pengukuran yang digunakan oleh GCR 2011-2012, yang patut diberi perhatian

adalah tunggak institusi yang meningkat sebanyak 12 anak tangga ke tangga ke-30 pada 2011. Di samping itu, sektor kewangan Malaysia yang kuat dinilai berada di tangga ketiga terbaik di dunia, di belakang Singapura dan Hong Kong SAR.

Lain-lain kedudukan yang diawasi oleh MPC termasuk World Competitiveness Yearbook (WCY) oleh Institut Pengurusan Pembangunan (IMD) dan Doing Business (DB) oleh Bank Negara.

Berdasarkan data statistik dan juga Kaji Selidik Pendapat Eksekutif, WCY meletakkan Malaysia di tangga ke-16 dari 59 ekonomi pada 2011, dari tangga ke-10 pada 2010. Sementara itu, laporan DB, yang mengukur pengawalan dan penguatkuasaan mereka dari segi bagaimana mereka memberi impak ke atas cara mereka menjalankan perniagaan, meletakkan Malaysia di tangga ke-18 dari 183 negara ekonomi, satu peningkatan dari lima tangga pada 2010.

**Ease of Doing Business, Kedudukan Keseluruhan 2007-2012**

Ekonomi	2012 (n=183)	2011 (n=183)	2010 (n=183)	2009 (n=181)	2008 (n=178)	2007 (n=175)
Singapura	1	1	1	1	1	1
Hong Kong SAR	2	2	2	3	4	5
New Zealand	3	3	3	2	2	2
AS	4	4	5	4	3	3
Denmark	5	5	6	5	5	7
Norway	6	7	10	10	9	9
Malaysia	18	23	23	21	25	25

Sumber: Doing Business, World Bank.  
n merujuk kepada jumlah penyertaan negara



**PRODUK  
BARU,  
PELUANG  
BARU**

Sebuah penjana kuasa sedang diselenggara.

Industri farmaseutikal Malaysia berpotensi menguasai bahagian yang lebih besar di pasaran global.

*Setelah selama berdekad menjadi enjin pertumbuhan utama negara, sektor pembuatan kini melalui tempoh transformasi dan penyusunan semula. Negara kini bergerak melangkaui dan melepas proses pembuatan pemasangan tambah nilai yang rendah dengan melabur dalam subsektor baru bernilai tinggi seperti peralatan perubatan dan teknologi hijau. Ini juga untuk memenuhi permintaan dalam pasaran penting yang sedang berkembang pesat seperti Republik Rakyat China, India dan Asia Barat.*

Persekitaran dalam pembuatan global menghadapi pelbagai cabaran sukar pada tahun 2011. Bencana gempa bumi dan tsunami di Jepun serta banjir di Thailand telah mengganggu rantaian bekalan pengeluaran di seluruh dunia. Krisis hutang kerajaan di kawasan Euro telah menjelaskan prestasi eksport barang pembuatan ke rantau tersebut. Demonstrasi awam di Timur Tengah turut mewujudkan suasana ekonomi yang tidak menentu.



Pemasangan automotif secara automasi.

Kesemua faktor ini menyumbang kepada penurunan output pembuatan di seluruh dunia pada tahun 2011. Sektor pembuatan negara turut terjejas dan hanya meningkat sebanyak 4.5 peratus pada tahun lalu kepada RM161.6 bilion, berbanding 11.4 peratus pada tahun 2010. Secara keseluruhannya, sektor pembuatan menyumbang sebanyak 27.5 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), iaitu hampir 27.6 peratus yang dicatat pada tahun sebelumnya.


Permintaan yang lebih rendah terhadap produk Malaysia di negara ekonomi maju pada tahun 2011 telah diimbangi oleh permintaan yang kukuh terhadap eksport negara daripada ekonomi baru muncul seperti PRC, India dan ahli-ahli Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN). Di samping itu, permintaan domestik yang kukuh dalam negara telah diterajui oleh peningkatan perbelanjaan sektor swasta serta peningkatan penggunaan sektor awam. Industri



berasaskan eksport negara berjaya berkembang sebanyak 3.4 peratus pada tahun 2011, menurun daripada 9.7 peratus pada tahun 2010. Walau bagaimanapun, pasaran baru muncul disasarkan menjadi pusat pertumbuhan eksport pada masa hadapan. Pembuatan berorientasikan domestik disokong oleh permintaan domestik yang besar telah meningkat sebanyak 8.9 peratus pada tahun 2011 berbanding dengan 15.6 peratus pada tahun sebelumnya.


Secara keseluruhan, pengeluaran pembuatan di Malaysia berkembang sebanyak 4.7 peratus, berbanding 11.1 peratus pada tahun 2010. Pertumbuhan ini telah diterajui oleh kluster seperti fabrikasi logam, industri kimia serta jentera dan peralatan. Peningkatan hasil dalam industri domestik telah membantu mengurangkan kesan daripada pertumbuhan lembap industri berdasarkan eksport, terutamanya dalam kluster produk E&E.

**Carta 1: Mewujudkan Peluang Pekerjaan**  
Peluang pekerjaan dijana oleh projek pembuatan yang diluluskan, 2006-2011



Sumber: Malaysia - Laporan Prestasi Pelaburan 2011, MIDA

**Carta 2: Pelaburan Domestik dan Asing Dalam Projek yang Diluluskan, 2006-2011**




Sumber: Malaysia - Laporan Prestasi Pelaburan 2011, MIDA

### Melabur dalam Prospek Pertumbuhan Masa Depan

Program Transformasi Ekonomi (ETP) telah mengenal pasti Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) berkaitan pembuatan yang memerlukan pembangunan dan sokongan yang lebih fokus. Ia bertujuan membina subsektor tambah nilai lebih tinggi seperti lampu diod pemancar cahaya (LED), panel solar dan pengeluaran ubat generik. Peningkatan pelaburan asing dan domestik dalam bidang ini dan subsektor lain pada tahun 2011 menunjukkan keyakinan pelabur yang berterusan terhadap masa depan sektor pembuatan negara.

Kos pembuatan yang rendah bukan lagi merupakan pilihan untuk berdaya saing di Malaysia. Dengan pertumbuhan ekonomi negara yang mempunyai kos buruh yang rendah seperti PRC, India dan Viet Nam. Sektor pembuatan negara perlu berubah kepada industri tambah nilai berteknologi tinggi. Inisiatif-inisiatif terbaharu Kerajaan dalam merangsang pelaburan ke dalam industri-industri ini telah berjaya menarik minat pelabur luar dan dalam negara. Lembaga Pembangunan Pelaburan

**Carta 3: Nisbah Pelaburan Modal Bagi Setiap Pekerja (CIPE) untuk Projek yang Diluluskan, 2000-2011**



Sumber: MIDA

Malaysia (MIDA) telah meluluskan sebanyak 846 projek pembuatan bernilai RM56.1 bilion pada tahun 2011 berbanding RM47.2 bilion pada tahun 2010, meningkat dua kali ganda daripada sasaran purata pelaburan tahunan sebanyak RM27.5 bilion seperti yang disasarkan dalam Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3).

Pelaburan ke dalam sektor pembuatan negara terus diterajui oleh pelaburan asing. Mereka mewakili 60.9 peratus daripada jumlah pelaburan pada 2011, dengan pelaburan bernilai RM34.2 bilion. Pelaburan domestik berjumlah RM21.9 bilion, atau 39.0 peratus daripada jumlah

pelaburan. Sebagaimana di atas, kesemua projek ini dijangka menjana sebanyak 100,533 peluang pekerjaan, di mana 62.3 peratus adalah dalam kategori pengurusan, profesional, teknikal, penyeliaan dan tenaga kerja mahir (lihat Carta 1 dan 2).

Trend umum terhadap modal intensif, projek tambah nilai yang tinggi juga melihat peningkatan nisbah Pelaburan Modal bagi Setiap Pekerja (CIPE) untuk projek-projek pembuatan yang diluluskan. Nisbah CIPE bagi projek pembuatan yang diluluskan meningkat sebanyak 15.1 peratus kepada RM557.894 pada 2011 berbanding RM484,767 pada 2010. Nisbah ini telah meningkat secara konsisten sejak tahun 1990, apabila ia pertama kali dicatatkan pada RM167,638. Di antara tahun 2000 dan 2011, trend keseluruhan telah meningkat dalam CIPE (lihat Carta 3).

Pada 2011, Jepun merupakan sumber pelaburan asing terbesar dalam pembuatan, dengan 77 projek pembuatan yang diluluskan melibatkan sejumlah RM10.1 bilion, sebahagian besarnya (RM9.1 bilion) bagi pelaburan yang diluluskan dalam E&E.



En. Mohammad Sanusi Abd. Karim

**MITI Tokyo**


*MITI Tokyo mempertingkatkan hubungan perdagangan dan pelaburan antara Malaysia dan Jepun melalui lawatan, mesyuarat dan bantuan perundingan. Perdana Menteri YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri YB Dato' Sri Mustapa Mohamed dan Timbalan Menteri (Perdagangan) YB Dato' Mukhriz Tun Mahathir telah mengadakan lima lawatan ke Jepun dan bertemu pemimpin-pemimpin perniagaan Jepun yang penting. MITI juga menganjurkan mesyuarat meja bulat dengan pengimport Jepun bagi produk Malaysia di samping bekerjasama dengan Persatuan Ekonomi Jepun Malaysia/Persatuan Ekonomi Malaysia Jepun, Majlis Perdagangan Luar Jepun dan institusi kewangan utama Jepun untuk mempromosi pelaburan di Malaysia.*

Lain-lain sumber pelaburan asing utama dalam pembuatan adalah daripada ROK, AS, Singapura dan Arab Saudi.

Wilayah Ekonomi Koridor Utara menyaksikan jumlah terbesar pelaburan dalam projek-projek pembuatan yang diluluskan (RM15.3 bilion). Ia diikuti oleh Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak (RM8.2 bilion), Iskandar Malaysia (RM5.7 bilion), Wilayah Ekonomi Pantai Timur (RM4.6 bilion) dan Koridor Pembangunan Sabah (RM0.9 bilion).

**Pasaran Berharga untuk Eksport Malaysia**

Industri berorientasikan eksport Malaysia berkembang pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 3.4 peratus pada 2011 berbanding 9.7 peratus pada 2010. Sektor pembuatan negara walaubagaimanapun telah dilindungi daripada kesan buruk ekonomi global yang bermasalah kerana wujudnya portfolio eksport yang pelbagai (lihat Carta 4). Permintaan serantau yang kukuh untuk output bagi kluster primer terus menyokong



pertumbuhan industri berorientasikan eksport, dipacu terutamanya oleh produk petroleum bertapis serta produk kimia dan berkaitan kimia. Ledakan PRC dan India yang berterusan mendorong permintaan bagi produk pembuatan bukan E&E, manakala eksport ke Jepun dan Thailand kekal kukuh di sebalik bencana alam mereka. Perdagangan Malaysia juga terus meningkat di rantau Asia Barat walaupun dilanda pergolakan di kawasan tersebut itu.

Eksport meningkat sebanyak 8.7 peratus pada 2011 berbanding 15.6 peratus pada tahun 2010, terutamanya disebabkan penguncupan dalam eksport produk E&E yang mencerminkan permintaan luar negara yang lemah. Barang pembuatan, yang meliputi 67.7 peratus daripada jumlah eksport negara, meningkat sebanyak 2.0 peratus kepada RM470.3 bilion (lihat Carta 4).



Cik Fary Akmal Osman

**MITI Bangkok**

Semasa bencana banjir di Thailand pada tahun 2011, MITI Bangkok memulakan lawatan pengumpulan maklumat ke atas syarikat-syarikat Malaysia yang terjejas oleh banjir dan memberi taklimat kepada syarikat terjejas mengenai insentif selepas banjir daripada kerajaan Thai. MITI Bangkok juga membantu dalam prosedur pengimportan kastam dari Malaysia untuk barang seperti barang pengguna, jentera dan peralatan, dan membantu syarikat-syarikat yang memerlukan pengembangan sementara bagi kilang-kilang mereka di Malaysia akibat banjir tersebut.



Subsektor bagi bahan kimia, jentera, dan fabrikasi logam mencatatkan pertumbuhan dua angka dalam eksport pada 2011. Terdapat juga permintaan mendadak yang ketara dalam eksport bagi produk baru seperti peralatan perubatan, alat ganti dan peralatan pesawat serta peralatan penjimat tenaga. Produk-produk ini mewakili bidang pertumbuhan masa depan bagi sektor itu.


Pada 2011, PRC menjadi destinasi eksport Malaysia yang terbesar buat pertama kali (lihat Carta 5). Eksport ke PRC berjumlah RM91.2 bilion,

meningkat sebanyak 13.9 peratus dari tahun 2010. Hampir 70.0 peratus daripada eksport ini adalah barang pembuatan, termasuk produk E&E, kimia dan produk kimia serta produk getah.

Singapura merupakan pembeli kedua terbesar bagi eksport Malaysia yang menyumbang kepada 12.7 peratus daripada jumlah eksport negara. Eksport E&E menyumbang bahagian terbesar eksport ini (36.5 peratus).

Eksport ke Jepun, rakan dagang Malaysia yang ketiga terbesar, meningkat sebanyak

Pengusaha industri makanan Malaysia giat memburu peluang perniagaan di pasaran halal global.

**Carta 5: Destinasi Eksport Global**  
*Destinasi eksport utama bagi barang Malaysia, 2007-2011*


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

19.8 peratus pada 2011 kepada RM80.0 bilion. Kebanyakan daripada barang ini digunakan dalam sektor pembinaan Jepun dan untuk membina semula infrastruktur tenaganya. Demikian juga, walaupun banjir di Thailand memberi kesan ke atas rantaian bekalan bagi sektor automotif dan E&E, eksport Malaysia ke negara ini masih berkembang sebanyak 4.6 peratus kepada RM35.7 bilion berikutan permintaan yang tinggi untuk barang pembuatan seperti bahan kimia, jentera dan fabrikasi logam.

Destinasi eksport penting yang lain termasuk Asia Selatan, di mana pertumbuhan eksport sebanyak 28.3 peratus didorong oleh kenaikan eksport ke India pada 2011.

Eksport Malaysia ke India melonjak sebanyak 34.6 peratus kerana permintaan yang tinggi bagi produk E&E, petroleum mentah dan minyak sawit. Perjanjian Ekonomi Komprehensif Malaysia-India (MICECA) akan terus meningkatkan akses pasaran bagi produk petroleum, minyak sawit dan bahan kimia ke India.

Sementara itu, eksport ke Asia Barat meningkat sebanyak 15.1 peratus pada tahun 2011. Rantau ini kekal sebagai pasaran pertumbuhan yang stabil bagi eksport di sebalik perubahan politik dan kekacauan di beberapa negara di Timur Tengah.

Secara keseluruhan, ekonomi baru muncul di Asia (termasuk di Asia Barat) menyumbang 71.3 peratus kepada eksport Malaysia pada 2011, manakala ekonomi maju seperti AS dan EU hanya menyumbang, masing-masing 8.3 peratus dan 10.4 peratus kepada eksport negara. Ekonomi Asia ini agak terlindung daripada ketidakstabilan kewangan di kawasan Euro dan ekonomi AS yang lembap, dan negara-negara ini akan terus berkembang pada tahun 2012 dan tahun seterusnya.

### Anjakan Terarah bagi Elektronik

Ketidaktentuan ekonomi global menjelaskan industri E&E pada tahun 2010, memberi impak ke atas eksport E&E Malaysia sebanyak 5.4 peratus. Walau bagaimanapun, subsektor ini terus menjadi kategori eksport yang paling dominan bagi negara dengan 50.3 peratus bahagian dalam eksport pembuatan.

Paling ketara, eksport E&E ke India meningkat sebanyak RM1.79 bilion kepada RM6.6 bilion, mewakili 23.4 peratus bahagian keseluruhan eksport ke negara ini. Peningkatan ini boleh dikaitkan dengan pelaburan asing yang lebih tinggi dalam aktiviti pembuatan di India.

Eksport E&E ke AS merosot sebanyak 14.5 peratus, terutamanya disebabkan oleh permintaan yang lebih rendah untuk mesin pengkomputeran perniagaan dan penempatan semula beberapa pengeluar ke negara-negara pengeluar berkos rendah.

Industri perubatan dan penjagaan kesihatan membantu meningkatkan kualiti kehidupan.



### Lawatan Turun Padang: Silterra Malaysia

Pada 16 Oktober 2011, YB Dato' Sri Mustapa Mohamed membuat lawatan ke Taman Teknologi Tinggi Kulim, Kedah untuk melawat faundri semikonduktor Silterra Malaysia Sdn Bhd, yang berada di tangga ke-20 fasiliti Terbaik Di Dunia oleh Gartner. Merupakan sebuah kisah kejayaan teknologi tempatan, syarikat ini menggaji 5,500 pekerja langsung dan tidak langsung dengan gaji purata bulanan sebanyak RM4,600, melebihi sasaran Model Ekonomi Baru bagi 2020. Program latihan industri Silterra membantu memupuk graduan untuk industri bernilai tinggi dan mewujudkan kumpulan pekerja yang berpotensi mengisi jawatan sains dan kejuruteraannya.

*“...ia merupakan perkara yang signifikan kerana syarikat ini telah memilih untuk menempatkan kilangnya di Malaysia. Ini mengesahkan bahawa kita memiliki keupayaan untuk menjadi tuan rumah bagi pelaburan berteknologi tinggi, dan bahawa kita mempunyai infrastruktur, kemudahan dan tenaga kerja mahir yang diperlukan untuk memenuhi jenis-jenis pelaburan seumpama ini.”*

YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Majlis Pecah Tanah, Fasiliti Peralatan R&D dan Operasi Kebangsaan, Pulau Pinang, 22 Jun 2011

Bagaimanapun, sebahagian subsektor dalam E&E mempamerkan prestasi yang meningkat: subsektor peranti semikonduktor, litar bersepadau, transistor dan injap meningkat sebanyak 9.3 peratus, manakala subsektor peralatan dan alat ganti telekomunikasi meningkat sebanyak 10.1 peratus. Di samping itu, sektor peralatan elektrodiagnostik, perubatan dan radiologi yang kecil tapi signifikan, mencapai pertumbuhan mendadak sebanyak 54.1 peratus.

ETP telah mengenal pasti industri E&E untuk memacu pertumbuhan ekonomi berpendapatan tinggi Malaysia, khususnya dalam empat sub-sektor industri: semikonduktor, panel solar, diod pemancar cahaya (LED) dan perindustrian elektronik dan peralatan rumah. Subsektor ini memberi penekanan lanjut mengenai peralihan Malaysia ke arah produk E&E tambah nilai lebih tinggi dan berintensif teknologi. Pada tahun 2011, Malaysia berjaya memenuhi 94.0 peratus daripada semua sasaran pelaksanaan projek NKEA E&E bagi 2015.

Industri E&E turut menarik sejumlah 129 projek dengan pelaburan sebanyak RM20.1 bilion pada 2011. Singapura merupakan sumber utama pelaburan dengan RM2.5 bilion dalam projek-projek yang diluluskan pada tahun 2011. Syarikat multinasional seperti Intel, IDT, Sony dan Infineon terus melabur dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) di Malaysia. Satu projek signifikan yang diluluskan bagi subsektor elektronik pengguna melibatkan pelaburan sebanyak RM1.4 bilion bagi reka bentuk, pembangunan dan pengeluaran TV LCD, produk audio/video dan alat peranti.

Malaysia adalah pengeksport panel solar yang ketiga terbesar di dunia, dan industri panel solar terus mewujudkan banyak peluang baru bagi kedua-dua pelabur tempatan dan asing. Industri solar menyumbang 71.5 peratus bagi semua pelaburan yang diluluskan dalam sub-sektor elektrik, dan lebih daripada satu pertiga daripada semua pelaburan yang diluluskan dalam keseluruhan industri E&E.

Aktiviti penyelidikan dan pembangunan diperlukan untuk merangsang ekonomi berpendapatan tinggi.



Pn. Wan Suraya Wan Mohd Radzi

### MITI Singapura

YB Dato' Sri Mustapa Mohamed melawat Singapura sebanyak tiga kali pada 2011 untuk menggalakkan interaksi dan pelaburan yang melibatkan kedua-dua negara. Acara semasa lawatan tersebut termasuk Forum Perniagaan Malaysia-Singapura 2011 dan Sambutan Hari Eropah EuroCham Singapura. Pada tahun 2011, MITI Singapura menganjurkan Meja Bulat bagi Peluang-peluang dalam Sektor Pendidikan untuk PKS Singapura di Iskandar Malaysia, bersempena dengan Enterprais Antarabangsa (IE) Singapura. Di samping itu, MITI Singapura membantu mengaturkan lawatan ke Iskandar Malaysia oleh delegasi ASEAN dan Duta Besar Asing untuk menggalakkan peluang pelaburan.



Cik Normah Osman

### **MITI Brussels**

*MITI Brussels menyelaraskan lawatan kerja yang dipenuhi acara oleh YB Dato' Sri Mustapa Mohamed ke Belgium pada 11 Julai 2011. Lawatan ini termasuk pertemuan satu-sama-satu dengan tiga syarikat Belgium mengenai pelan pelaburan mereka di Malaysia, sesi temu bual dengan wartawan dari Reuters dan New Europe serta mesyuarat dua hala dengan En. Karel de Gucht, Pesuruhjaya Perdagangan EU.*



Pada tahun 2011, pelaburan industri solar adalah dari Tokuyama, Q-Cells, Sun Power, First Solar dan MEMC. Projek solar baru yang diluluskan pada tahun 2011 termasuk operasi bersepadau solar untuk sebuah syarikat milik penuh asing dengan usul pelaburan sebanyak RM4.5 bilion untuk melaksanakan reka bentuk, pembangunan dan pembuatan wafer, sel-sel dan modul silikon fotovolta.

### **Keuntungan Industri Kimia**

Industri kimia dan produk kimia kekal sebagai penyumbang kedua terbesar kepada jumlah eksport pembuatan Malaysia. Walaupun negara mengimpor lebih banyak produk kimia daripada yang dijual pada tahun 2011, defisit perdagangan dalam subsektor berkurangan kepada RM3.9 bilion pada 2011 daripada RM4.5 bilion pada tahun 2010 disebabkan oleh eksport yang cergas, yang meningkat 16.0 peratus kepada RM47.2 bilion.

MITI menggalakkan inovasi sebagai pemacu utama bagi transformasi ekonomi negara.

PRC, Indonesia, Thailand, Singapura dan Jepun merupakan lima pasaran teratas untuk produk kimia Malaysia pada tahun 2011, disebabkan aktiviti pembuatan yang lebih tinggi di negara-negara itu. Alkohol, fenol dan derivatif merupakan eksport terbesar, yang melonjak sebanyak 32.3 peratus kepada RM11.2 bilion pada 2011. Sementara itu, output hidrokarbon dan derivatif mereka melambung sebanyak 27.4 peratus kepada RM3.4 bilion.

Industri petrokimia dan plastik Malaysia telah menghadapi kekurangan kapasiti dalam tahun-tahun kebelakangan ini, dan walaupun eksport negara bagi produk-produk ini meningkat 6.1 peratus kepada RM13.6 bilion pada tahun 2011, import juga meningkat sebanyak 1.0 peratus kepada RM8.2 bilion.

Untuk menangani kekurangan kapasiti ini, Malaysia telah memulakan program pembinaan keupayaan untuk meningkatkan lagi eksport negara bagi kimia dan produk kimia, di samping meningkatkan pengetahuan dan penempatan tenaga kerja tempatan dalam subsektor ini. Pada tahun 2011, Institut Latihan dan Penyelidikan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNITAR), bersama-sama dengan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) menjalankan satu projek pembinaan kapasiti untuk Sistem Global Berharmoni bagi Klasifikasi dan Pelabelan Kimia (GHS). Projek UNITAR-GHS ini dibiayai oleh Kesatuan Eropah (EU) dan diselaraskan oleh MITI. Program dan aktiviti kesedaran GHS dan aktiviti-aktiviti dijalankan oleh pelbagai agensi pada tahun 2011 akan diteruskan pada 2012. Malaysia juga sedang merancang untuk menyelaraskan Bengkel GHS Serantau bagi 2012.

Perkhidmatan perubatan Malaysia telah mencapai standard bertaraf antarabangsa.

### Membangunkan Industri Penjagaan Kesihatan yang Lebih Berdaya Saing

ETP telah mengenal pasti peluang strategik untuk industri farmaseutikal dan peralatan perubatan di bawah NKEA Penjagaan Kesihatan. Sejumlah besar ubat-ubatan utama akan kehilangan perlindungan paten mereka dalam beberapa tahun akan datang, sekali gus mewujudkan peluang dalam perniagaan farmaseutikal generik. Untuk memberi insentif dalam pengilangan farmaseutikal tempatan, Majlis Ekonomi telah meluluskan satu skim perolehan Kerajaan untuk produk farmaseutikal baru buatan tempatan.

Eksport Malaysia bagi produk perubatan dan farmaseutikal merosot sebanyak 17.9 peratus kepada RM818.0 juta pada 2011. Sementara itu, eksport peralatan perubatan meningkat dengan kukuh dan mencapai peningkatan tinggi sebanyak RM12.8 bilion pada 2011, didorong oleh permintaan yang kukuh bagi sarung tangan pembedahan dan pemeriksaan (RM9.9 bilion), instrumen pergigian dan oftalmik dan peralatan (RM1.0 bilion) serta peralatan elektromedikal (RM0.4 bilion). AS, Eropah dan Jepun adalah



destinasi eksport utama bagi produk-produk ini pada tahun 2011. Pasaran peralatan perubatan Malaysia bernilai kira-kira RM2.8 bilion, dan dijangka bernilai RM5.3 bilion menjelang 2015. Industri ini menyaksikan pelaburan bernilai RM266.6 juta dalam produk bernilai tinggi dan tambah nilai tinggi yang melibatkan R&D, termasuk projek pembuatan kanta lekap dengan silikon hidrogel bernilai RM180.0 juta.

### Memajukan Industri Aeroangkasa

Industri aeroangkasa mencapai majoriti KPI bagi hasilnya pada tahun 2011, termasuk RM1.2 bilion bagi hasil daripada penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO) dan RM0.8 bilion bagi hasil daripada MRO kerangka pesawat udara.

### Lawatan Turun Padang: *Pharmaceutical Chemical Company of Malaysia*

Pada 17 Mac 2011, YB Dato' Sri Mustapa Mohamed melawat Pharmaceutical Chemical Company of Malaysia (CCM) untuk sesi sat-sama-satu membincangkan isu-isu berkaitan industri farmaseutikal halal. CCM adalah pengilang tempatan terbesar yang disahkan Amalan Pengilangan Baik (GMP) bagi pengeluar farmaseutikal generik. Makanan kesihatan tambahan tanpa preskripsi doktor oleh syarikat ini disahkan halal oleh JAKIM dan dieksport ke seluruh dunia untuk memenuhi permintaan bagi produk yang selamat dan bersih oleh pengguna Muslim.

Gelungan elektrik sedang diperiksa.

### Lawatan Turun Padang: Favelle Favco

Pada 17 Oktober 2011, YB Dato' Sri Mustapa Mohamed tiba di fasiliti Favelle Favco Bhd di Taman Perindustrian Senawang, Negeri Sembilan dalam lawatan outreach (jangkauan) untuk mempelajari mengenai reka bentuk dan perniagaan pembuatan kren yang berjaya itu. Favelle Favco Bhd membekalkan kren kepada beberapa struktur tertinggi di dunia dan merupakan salah satu daripada lima pembekal kren bagi industri minyak dan gas. Syarikat itu menggaji 75 jurutera reka bentuk dan menawarkan gaji purata sebanyak RM4,600 sebulan, dengan beberapa juruteknik berkelayakan tinggi berpendapatan sebanyak RM13,000 sebulan.



Untuk menyokong industri yang masih baru tetapi berpotensi tinggi ini, Pusat Pengeluaran Inovasi Aeroangkasa Malaysia (AMIC) telah dilancarkan semasa pameran Maritim dan Aeroangkasa Antarabangsa Langkawi 2011 (LIMA). AMIC akan menjalankan aktiviti R&D pembuatan struktur pesawat di samping menjadi pusat kajian dan latihan peringkat atasan bagi industri ini. LIMA pada 2011 terus memainkan peranan sebagai platform yang efektif bagi menggalakkan produk dan perkhidmatan aeroangkasa tempatan, dengan lebih 100 syarikat penerbangan menghadiri acara tersebut.

### Membangunkan Hab Jentera dan Peralatan Serantau

Industri Jentera, Peralatan dan Alat Ganti terus berkembang pada tahun 2011. Eksport Malaysia bagi produk jentera dan peralatan meningkat sebanyak 11.1 peratus kepada RM23.6 bilion. Sebanyak 6.0 peratus dari eksport ini adalah ke negara-negara ASEAN, yang mewakili peningkatan 13.5 peratus dari tahun 2010. Produk-produk ini termasuk penyaman udara, pam udara dan pemampat, kipas serta peralatan pengendalian mekanikal.

Kerajaan telah mengenal pasti beberapa subsektor di bawah industri sokongan kejuruteraan (ESI) jentera dan peralatan untuk pembangunan lanjutan seperti industri acuan dan dai Malaysia, di mana industri negara menerajui rantau ini dari segi kualiti. Kerajaan juga telah mengambil inisiatif untuk mendukung faktor keselamatan dan kualiti produk M&E melalui pembangunan 321 Standard Malaysia (MS) pada tahun 2011. Kerajaan juga sedang mengkaji semula duti import untuk mengurangkan kebergantungan ke atas import M&E dari Jepun, PRC dan AS.



Syarikat-syarikat dalam industri sokongan kejuruteraan (ESI) juga sedang meningkatkan pengeluaran komponen dan alat ganti tambah nilai tinggi. Pelaburan ESI pada tahun 2011 termasuk projek kepelbagaiannya bernilai RM36.8 juta untuk mengilang '*precision metal stamped and turned parts*', pemesinan, peralatan dan acuan untuk industri E&E, serta projek RM16.4 juta bagi pemesinan kejituhan komponen plastik dan logam untuk digunakan dalam industri perubatan, aeroangkasa serta minyak dan gas.

### Menyokong Industri Automotif

Gangguan rantaian bekalan di Jepun dan Thailand telah mengakibat tergendalanya pengeluaran automotif pada 2011, dengan penurunan output sebanyak 6.0 peratus kepada 533,515 kereta penumpang dan kenderaan komersil. Walau bagaimanapun, peristiwa-peristiwa ini tidak banyak memberi impak ke atas jualan, yang hanya mencatat kemerosotan sebanyak 0.8 peratus.

Pembangunan Modal Insan adalah penting bagi industri automotif.

### **Lawatan Turun Padang: MIR Valve**

Pada 21 Oktober 2011, YB Dato' Sri Mustapa Mohamed membuat lawatan outreach ke MIR Valve Sdn. Bhd., yang mereka bentuk dan mengilang injap berkualiti tinggi untuk industri minyak, gas dan tenaga. Syarikat itu, yang merupakan vendor penting bagi Shell dan Petronas, berkongsi pengetahuan dan keimbangan dengan MITI semasa lawatan ini. Dengan jualan yang disasarkan untuk mencapai RM100.0 juta pada 2012 dan rantaian perniagaan dengan 60 PKS Malaysia, MIR Valve adalah satu bahagian penting dalam rantaian nilai jentera minyak dan gas.

Jualan kendaraan hibrid melonjak daripada 328 unit pada 2010 kepada 8,334 unit pada 2011, hasil daripada pengecualian duti eksais untuk kendaraan hibrid dalam Bajet 2010 dan peningkatan kesedaran di kalangan pengguna terhadap kepentingan alam sekitar. MIDA juga telah meluluskan kilang pembuatan dan pemasangan kendaraan elektrik dan hibrid baru yang bernilai RM856.0 juta.

Industri ini telah mencapai kemajuan tambahan daripada melaksanakan inisiatif hasil daripada Kajian Semula Dasar Automotif Negara (NAP) 2009, dan membuka jalan untuk liberalisasi industri seterusnya melalui Kajian Semula NAP 2012. Empat jenis komponen automotif terpakai telah dihentikan secara berperingkat-peringkat, manakala 35 Peraturan-Peraturan ECE tambahan telah diwartakan untuk menyokong pelaksanaan proses Kelulusan Jenis Kenderaan (VTA). Proton dengan kerjasama MITI dan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) telah memulakan Program Ujian Fleet Kenderaan (FTV), satu langkah penting ke arah pembangunan kenderaan elektrik buatan Malaysia.

### Lawatan Turun Padang: MODENAS

Motosikal Dan Enjin Nasional Sdn Bhd (Modenas) menerajui pemindahan teknologi dan pembangunan pembuatan motosikal di Malaysia. YB Dato' Sri Mustapa Mohamed melawat fasiliti Modenas di Gurun, Kedah, untuk mendapatkan pemahaman yang lebih baik mengenai strategi dan hala tuju syarikat itu. Modenas mempunyai 800 tenaga kerja dengan lebih 150 jurutera, dan kilang itu adalah salah satu kilang yang paling moden di Asia Tenggara dengan kapasiti mengeluarkan 240,000 unit motosikal setahun.



Motosikal buatan Malaysia.

Industri automotif Malaysia dan Jepun telah memperbaharui usaha perkongsian mereka pada tahun 2011, dengan kedua-dua negara bersetuju melanjutkan tiga projek di bawah Program Kerjasama Industri Automotif Malaysia-Jepun (MAJAICO) melewati persetujuan asal meliputi program selama lima tahun.

Industri automotif Malaysia juga memulakan perkongsian tambahan dalam bidang pembangunan modal insan, menandatangani tiga MoU dengan pelbagai organisasi berkaitan untuk meningkatkan keupayaan reka bentuk dan kejuruteraan serta meningkatkan latihan dalam industri automotif.



Penyelenggaraan turbin di loji tenaga ini membantu pengendalian industri Malaysia.

### Mempertingkatkan Industri Besi dan Keluli

Pada tahun 2011, eksport produk besi dan keluli berjumlah RM10.2 bilion manakala eksport produk logam bukan ferus berjumlah RM10.9 bilion. Negara-negara ASEAN menjadi pelanggan utama terhadap barang keluaran Malaysia, dengan menyumbang RM4.7 bilion daripada keseluruhan jumlah eksport. Persatuan Keluli Dunia menganggarkan bahawa penggunaan keluli global meningkat sebanyak 6.5 peratus pada tahun 2011, dan akan berkembang 5.4 peratus pada 2012 walaupun menghadapi cabaran pemulihian ekonomi AS yang lembap dan krisis hutang kerajaan di Eropah.

Pada tahun 2011, standard mandatori telah dilaksanakan ke atas enam produk aluminium untuk meningkatkan kualiti sejajar dengan kedua-dua keperluan domestik dan antarabangsa.



Industri produk kayu meliputi produk seperti kayu balak, papan lapis dan perabot.

#### Industri Ringan Terus Berkembang

Eksport Malaysia bagi tekstil dan pakaian meningkat sebanyak 15.9 peratus kepada RM10.8 bilion pada 2011, melebihi rekod eksport yang dicatat pada tahun 2008 (RM10.5 bilion) iaitu selepas menghadapi tiga tahun tempoh pemulihan pertumbuhan. Eksport produk tekstil utama berkembang 16.7 peratus kepada RM6.7 bilion, dengan Turki dan PRC membeli 20.0 peratus eksport tekstil negara. Eksport pakaian dan aksesori pakaian juga meningkat sebanyak 14.6 peratus kepada RM4.1 bilion, dengan lebih 44.0 peratus ke AS (RM1.8 bilion).

Sementara itu, eksport dalam industri produk kayu kekal kukuh pada RM14.5 bilion pada tahun 2011, merosot 2.2 peratus dari tahun 2010. Peningkatan yang dicatat sebahagian besarnya telah disokong oleh lonjakan dalam eksport ke Jepun, yang membeli lebih 24.5 peratus produk kayu Malaysia pada tahun 2011 berbanding dengan 2010, kebanyakannya untuk usaha pembinaan semula negara tersebut. Program baru *eco-point* yang diperkenalkan untuk aktiviti pembinaan dan pengubahsuaian juga telah merangsang permintaan bahan-bahan seperti papan lapis dan venir.

Syarikat-syarikat Malaysia terus berusaha untuk membangunkan produk-produk baru.

Industri produk getah menunjukkan prestasi yang membanggakan pada tahun 2011, dengan jualan RM18.1 bilion dalam eksport. Pertumbuhan industri sebanyak 13.2 peratus adalah mengagumkan walaupun menghadapi suasana permintaan yang lembap, kos bahan mentah yang tinggi dan matawang dolar AS yang lemah. Keadaan cuaca dan penyakit kulit kayu pokok getah telah mengekang bekalan dari negara pengeluar getah, dan kadar ses eksport Thailand yang baru mengakibatkan kenaikan kos untuk membuat produk getah di Malaysia.

Walau bagaimanapun, eksport untuk produk mineral bukan logam meningkat sebanyak 14.0 peratus pada 2011 kepada RM5.7 bilion, dengan kaca dan barangang kaca terus menjadi urusniaga terbesar industri ini, menyumbang 47.0 peratus dari jumlah eksport dalam subsektor ini. Kaca adalah satu bahagian penting bagi peralatan berteknologi tinggi menyumbang kepada pembuatan seperti pemacu cakera keras, paparan hablur cecair dan panel solar, dan industri ini bersedia untuk kekal relevan apabila Malaysia bergerak ke arah eksport tambah nilai lebih tinggi.



#### Perdagangan Pelbagai dalam Makanan dan Minuman

Malaysia masih kekal sebagai pengimpor bersih makanan dan minuman. Import meningkat hampir dua kali lebih cepat sebagaimana eksport (25.2 peratus berbanding 13.0 peratus) pada 2011. Pengguna di Malaysia secara keseluruhan telah membeli RM3.4 bilion makanan diproses, RM3.4 bilion produk gula dan konfeksi gula dan RM2.5 bilion produk tenusu tahun lalu. Eksport Malaysia dalam subsektor ini termasuk koko (RM3.9 bilion) dan minuman (RM2.1 bilion) bernilai RM15.6 bilion.

Kedudukan Malaysia sebagai pengeluar kedua terbesar di dunia bagi produk sarang burung menghadapi cabaran yang meningkat pada tahun 2011 apabila PRC mengharamkan produk sarang burung keluaran Malaysia.

Kesannya, eksport dalam industri ini menurun sebanyak 35.1 peratus tahun lepas, turun kepada RM973.0 juta. Pihak berkuasa PRC telah mengumumkan hasrat mereka untuk menarik balik pengharaman ini selepas menentukan tahap dibenarkan bagi nitrit untuk produk-produk ini, dan urusniaga sarang burung ini dijangka meningkat semula dengan kukuh pada 2012.

Subsektor produk minyak sawit juga meningkat sebanyak 34.5 peratus pada 2011 kepada RM80.3 bilion. Pertumbuhan ini berlaku disebabkan oleh peningkatan harga eksport yang lebih tinggi berbanding jumlah pengeluaran. Saingan dari Indonesia juga telah memberi cabaran kepada industri minyak sawit Malaysia pada tahun 2011. Struktur duti eksport baru bagi produk minyak sawit membolehkan pengilang penapisan Indonesia menawarkan harga yang lebih kompetitif untuk produk sawit bertapis.



En. Syahril Syazli Ghazali

#### MITI Jakarta

Pada tahun 2011, Indonesia mengambil alih jawatan pengurus ASEAN, sambil menambah kepentingan baru kepada tugas MITI Jakarta. Indonesia menjadi tuan rumah kepada pelbagai mesyuarat, seminar, forum, persidangan dan lain-lain acara berkaitan ASEAN sepanjang tahun itu. Beberapa lawatan berprofil tinggi oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, YB Dato' Sri Mustapa Mohamed telah diadakan, termasuk di Sidang Kemuncak ASEAN di Jakarta (Mei 2011), Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN di Manado (Ogos 2011) dan Sidang Kemuncak ASEAN di Bali (November 2011). MITI Jakarta mengambil kesempatan atas lawatan ini untuk mengatur mesyuarat sampingan dengan pemimpin perniagaan tempatan, terutamanya pelabur berpotensi.



Malaysia terus menerajui dunia dalam pengeluaran minyak sawit.

#### Prospek: Transformasi Berterusan pada 2012

Industri E&E dijangka terus menyokong ETP pada tahun 2012 dengan memberi fokus kepada produk pintar dan hijau seperti semikonduktor, panel solar dan LED. Strategies Unlimited, syarikat penyelidikan pasaran yang mengkhusus kepada industri fotonik, menjangkakan pencahayaan am LED akan menyaksikan kadar pertumbuhan purata sebanyak 20.0 peratus di seluruh dunia sehingga 2016.

Malaysia berada di kedudukan yang baik untuk mendapat manfaat daripada perkembangan ini serta perjanjian perdagangan global. Industri E&Enya telah lama mendapat manfaat daripada Perjanjian Teknologi Maklumat (ACP) yang diterima pakai di Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) pada tahun 1997, yang mempromosikan perdagangan global bagi produk teknologi maklumat melalui penghapusan duti. Pada tahun 2012, ACP mungkin dipinda merangkumi

perluasan liputan ke atas, keahlian baru dan perbincangan halangan bukan tarif kepada perdagangan, dimana usaha ini akan memberi ransangan yang signifikan kepada industri E&E. Selain ACP, Malaysia telah mengadakan beberapa rundingan perdagangan dua hala dan pelbagai hala untuk memastikan kejayaan berterusan dalam sektor pembuatan. Kejayaan rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Australia (MAFTA) pada 2012 akan membantu menangani tarif yang tinggi ke atas produk E&E, tekstil dan pakaian serta alat ganti automotif.

Program Source ASEAN Full Service Alliance (SAFSA), yang dimulakan oleh ASEAN Federation of Textile Industries (AFTEX) dan dibiayai oleh Kerajaan AS, direka untuk meningkatkan, memajukan dan menggalakkan rantau ASEAN sebagai pembekal perkhidmatan penuh teknologi dan pakaian berkualiti. Program ini juga akan dimuktamadkan pada tahun 2012.

Di bawah Kajian Semula Dasar Automotif Negara 2009, empat jenis komponen automotif terpakai telah diberhentikan secara beransur-ansur.

### Liberalisasi dan Kepelbagai

Bajet 2012 Malaysia menyediakan insentif teknologi hijau melalui pengecualian duti untuk kenderaan elektrik dan kereta hibrid sehingga 31 Disember 2013. Insentif ini dijangka akan meningkatkan penjualan kenderaan elektrik dan hibrid semasa tempoh pengecualian tersebut. MITI juga akan terus menggalakkan penggunaan teknologi hijau dalam industri melalui Jawatankuasa Kerja bagi Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim. Deklarasi Honolulu 2011 juga menggariskan usaha ekonomi-ekonomi APEC untuk berusaha ke arah menghapuskan tarif ke atas barang hijau menjelang 2015.

Kajian semula 2012 yang dicadangkan di dalam Dasar Automotif Negara (NAP) dijangka akan menetapkan langkah-langkah tambahan untuk memacu eksport dan menjadikan Malaysia sebagai hab serantau bagi kenderaan hibrid, elektrik dan mesra alam. Beberapa segmen di dalam industri ini dijangka akan menghasilkan usaha liberalisasi selanjutnya untuk meningkatkan lagi penyertaan oleh syarikat pembuat kereta asing dalam industri tempatan.



Pelancaran beberapa projek di bawah ETP, termasuk projek Transit Aliran Massa (MRT) untuk Wilayah *Greater KL*, dijangka akan mengekalkan permintaan domestik bagi produk keluli dan besi yang tinggi dalam masa terdekat. Di samping itu, liberalisasi dasar yang dijangka dalam industri logam pada tahun 2012 akan membantu meningkatkan daya saing industri dalam kedua-dua pasaran domestik dan antarabangsa.

### Ekonomi yang Seimbang

Melangkah ke hadapan, industri E&E Malaysia akan meneroka produk-produk baru yang mempunyai potensi pertumbuhan tinggi termasuk litar bersepadu termaju, diod pemancar cahaya bersinaran tinggi (HBLEDs),

peralatan frekuensi radio (RF) dan peralatan Sistem Mikroelektromekanik (MEMS). Kerajaan juga berharap menjadikan Malaysia sebagai hab serantau bagi pengeluaran, penyelenggaraan dan pengedaran jentera dan peralatan berteknologi tinggi. Industri M&E akan terus mendapat manfaat daripada projek-projek infrastruktur yang akan dilaksanakan di bawah Bidang Utama Ekonomi Negara (NKEA), seperti sistem Transit Aliran Massa *Greater KL* (MRT).

Memandangkan bahan kimia dan produk kimia bertindak sebagai penyumbang penting kepada industri-industri lain, prestasi masa depan industri kimia dan produk kimia industri dijangka terjejas oleh perkembangan dalam industri pembuatan, terutamanya dari negara-negara PRC dan ASEAN, manakala prestasi masa depan

industri petrokimia pula adalah terikat dengan peningkatan dalam kapasiti di Asia dan Asia Barat yang akan mempengaruhi harga produk. Untuk menangani kekurangan kapasiti, syarikat Petronas bercadang untuk membina projek Pembangunan Bersepadu Kilang Penapisan dan Petrokimia (RAPID) di Pengerang, Johor. Projek ini, yang dijangka siap pada 2016, mempunyai potensi untuk menjadikan Malaysia sebagai hab Asia utama untuk perkhidmatan medan minyak.

Eksport Malaysia bagi produk makanan dan minuman yang disahkan halal adalah berjumlah RM11.9 bilion pada tahun 2011, dan tinjauan pasaran untuk 2012 dan tahun seterusnya kekal positif. Pasaran yang berpotensi tinggi seperti di PRC dan India kedua-duanya mempunyai kependudukan Muslim yang ketara, dan kedua-dua negara semakin berminat dengan produk Malaysia. Herba tradisional dan sumber asli Malaysia juga akan mewujudkan peluang untuk makanan kesihatan dan produk kesihatan halal yang baru.




Sistem lebuhraya Malaysia yang maju membantu membawa produk dengan lebih cepat ke pasaran.

### Melangkah ke Hadapan

Secara keseluruhannya, pertumbuhan sektor pembuatan negara Malaysia dijangka mencapai 3.9 peratus pada tahun 2012 apabila industri berorientasikan eksport menunggu ekonomi negara-negara maju menjadi lebih kukuh. Sektor pembuatan perlu meneruskan usaha-usaha transformasi pada tahun 2012, apabila ia membuat peralihan daripada produk tambah nilai rendah ke arah barang tambah nilai tinggi yang didorong oleh pengetahuan.

Momentum pertumbuhan yang berterusan adalah dari tawaran-tawaran baru seperti teknologi hijau yang ditambah dengan permintaan serantau yang kukuh untuk produk Malaysia yang berasaskan sumber. Pelaksanaan dasar gaji minimum kebangsaan pada tahun 2012 juga akan memberi manfaat kepada pekerja bergaji rendah di samping menggalakkan majikan untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing mereka di peringkat global. Di samping itu, Skim Pinjaman Mudah bagi Automasi dan Pemodenan (SLSAM) yang diperkenalkan untuk mengurangkan kebergantungan industri ke atas tenaga kerja, telah dilanjutkan di bawah RMK-10 dengan tambahan RM100.0 juta yang diperuntukkan untuk tempoh pelaksanaan meliputi 2011-2012.

**LONJAKAN  
DALAM  
PERTUMBUHAN  
DIDORONG  
OLEH SEKTOR  
PERKHIDMATAN**



Peningkatan bilangan tenaga kerja Malaysia yang mahir dan terlatih merupakan asas kepada pertumbuhan dalam pasaran domestik bagi sektor perkhidmatan.

Pereka tempatan membayangkan motosikal generasi akan datang.

*Sektor pembuatan telah membawa Malaysia daripada sebuah ekonomi pertanian kepada negara perdagangan global. Kini, masa depan negara adalah bergantung kepada keupayaan sektor pembuatan untuk mempelbagaikan ekonomi negara. Sektor perkhidmatan negara mengalami pemulihian pada tahun 2011 di tengah-tengah kegawatan ekonomi global, mempamerkan peranan sebagai pemacu pertumbuhan utama bagi transformasi ekonomi negara.*

Perniagaan dalam sektor pertanian dan sektor pembuatan boleh membantu sesebuah negara membangun dalam tahun-tahun awal pertumbuhannya, terutama sekali apabila tenaga kerja di dalam negara tersebut kurang kemahiran dan kepakaran. Keadaan ini pernah berlaku di Malaysia, tetapi tidak lagi sekarang.



Sepanjang tiga dekad yang lalu, Malaysia telah menjalani proses pembangunan yang pesat, dan ini bukan sahaja menyumbang kepada peningkatan bilangan tenaga kerja berpendidikan yang boleh berkhidmat dalam sektor perkhidmatan bahkan turut menjadi pengguna kepada perkhidmatan (lihat Carta 1, ms 80).

Peningkatan dalam bilangan tenaga kerja yang memiliki kuasa beli ini seterusnya menyumbang kepada peningkatan dalam permintaan domestik bagi perkhidmatan runcit serta kewangan dan harta tanah, satu anjakan yang telah meningkatkan Pendapatan Negara Kasar per kapita rakyat Malaysia (lihat Carta 2). Negara kini berpeluang mencapai transformasi yang memberangsangkan dari sebuah ekonomi berasaskan pembuatan kepada ekonomi berasaskan perkhidmatan, sekali gus bertanggungjawab melonjakkan pendapatan per kapita negara.

Program Transformasi Ekonomi (ETP) mensasarkan sektor perkhidmatan menyumbang sebanyak 65.0 peratus kepada KDNK Malaysia menjelang tahun 2020. Sektor ini mengekalkan kedudukannya untuk memenuhi matlamat

tersebut, berkembang sebanyak 6.8 peratus kepada RM344.5 bilion pada tahun 2011, seterusnya menyumbang 58.6 peratus kepada KDNK negara berbanding 57.7 peratus tahun sebelumnya. Perkhidmatan sektor swasta menyumbang 86.3 peratus daripada jumlah tersebut (RM297.3 bilion), manakala perkhidmatan kerajaan menyumbang kepada baki 13.7 peratus (RM47.1 bilion). Perdagangan dalam perkhidmatan (tidak termasuk urus niaga kerajaan) meningkat sebanyak 6.6 peratus kepada RM221.6 bilion pada tahun 2011.


#### **Menarik Pelaburan Asing**

Pelaburan di dalam sektor perkhidmatan meningkat sebanyak 75.5 peratus pada tahun 2011, lantas mengekalkan laluannya untuk menjadi penjana utama pertumbuhan negara menjelang tahun 2015. Secara keseluruhan, 3,957 projek dengan nilai pelaburan sebanyak RM64.4 bilion telah diluluskan pada tahun 2011 berbanding RM36.7 bilion pada tahun sebelumnya (lihat Carta 3), yang berada di bawah paras pra-krisis RM66.4 bilion pada tahun 2007.



#### **Lawatan Turun Padang: Kuching, Sarawak**

Pada 31 Januari 2011, YB Dato' Jacob Dungau Sagan mengadakan lawatan ke kedai Kek Lapis Dayang Salhah di Kuching, Sarawak untuk memahami dengan lebih mendalam keperluan dan masalah-masalah yang dihadapi oleh pengusaha bakeri kecil dan sederhana di Malaysia.





ia juga melebihi jumlah pelaburan yang disasarkan dalam sektor ini sebanyak RM45.8 bilion di bawah Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3).

Satu matlamat penting ETP adalah menjadikan Malaysia sebagai salah satu destinasi pelaburan pilihan dunia, terutamanya dalam 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA). Tenaga kerja Malaysia yang berkemahiran dan persekitaran kewangan dan perniagaannya yang kukuh menarik RM16.2 bilion dalam pelaburan asing pada tahun 2011, hampir empat kali ganda dari RM4.1 bilion pada tahun 2010. Ini lebih dua kali ganda dari jumlah pelaburan asing ke dalam sektor perkhidmatan kepada 25.2 peratus (lihat Carta 4) pada tahun 2011, manakala pelaburan tempatan sebanyak RM48.2 bilion merupakan 74.8 peratus darinya. Sasaran ETP adalah untuk pelaburan terus asing menyumbang kepada 27.0 peratus dari jumlah pelaburan menjelang 2020, dan sektor perkhidmatan kini semakin hampir mencapai sasaran ini.



**“Pelaburan Jepun ke dalam sektor bukan pembuatan adalah amat kecil jumlahnya. Negara-negara ASEAN masing-masing mengambil inisiatif unilateral dalam meliberalisasikan sektor perkhidmatan mereka. Justeru itu, saya melihat potensi yang sangat besar untuk menjalankan perniagaan dalam sektor ini dan saya berharap syarikat-syarikat Jepun akan memberi perhatian yang lebih kepada perkara ini.”**

YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, 8 Julai 2011



Memasang jaket keluli  
bagi fasiliti dalam  
industri minyak dan gas.

### Menggalakkan Pelaburan Hijau dalam Perkhidmatan Sokongan

Agenda hijau negara merupakan aspek penting dalam pembangunannya. Malaysia telah membuat komitmen ke arah pengurusan alam sekitar yang lebih baik melalui Perjanjian Copenhagen dan Protokol Kyoto. Komitmen-komitmen ini bukan hanya dapat memastikan negara melaksanakan bahagiannya dalam membendung pelepasan karbon, tetapi juga menarik pelabur untuk melihat potensi ekonomi Malaysia dalam jangka masa panjang.

Kerajaan sedang menjalankan usaha memperkenalkan undang-undang dan peraturan "hijau" yang diperlukan untuk menyokong komitmen ini. Antaranya termasuk Dasar Teknologi Hijau Negara (dilancarkan pada bulan Julai 2009), Suruhanjaya Tenaga (Pindaan) Akta 2010, Akta Lembaga Pembangunan Tenaga Lestari 2011 dan Akta Tenaga Boleh Diperbaharui 2011. Semua langkah ini mula menunjukkan hasil pada tahun 2011, apabila 48 projek baru dalam sektor tenaga boleh diperbaharui dan penjimatatan tenaga telah diluluskan, dengan jumlah pelaburan bernilai RM446.3 juta.

Projek-projek sektor tenaga boleh diperbaharui termasuklah loji tenaga boleh diperbaharui di Negeri Sembilan, dua loji tenaga biogas di Sabah dan sebuah kilang tenaga biojisim di Sarawak. Penyedia perkhidmatan dalam industri-industri strategik ini layak diberikan insentif cukai bagi tempoh lima hingga 10 tahun.



Pelabuhan kontena seperti yang terdapat di Johor ini berupaya memenuhi permintaan perkapalan antarabangsa.



### **Lawatan Turun Padang: Smart Reader Worldwide**

Smart Reader Worldwide Sdn Bhd merupakan satu daripada francais pendidikan kanak-kanak yang paling berjaya di Malaysia, dengan lebih 300 pusat pendidikan di Malaysia. Enterprais tempatan yang sebelum ini dianugerahkan National Mark of Malaysian Brand, telah berjaya membawa perkhidmatan pendidikan ke peringkat antarabangsa dengan 150 pusat kini beroperasi di Filipina, PRC, Thailand, Brunei Darussalam dan di Timur Tengah. Lawatan turun padang YB Dato' Sri Mustapa Mohamed merupakan lanjutan kepada jalinan sedia ada di antara SME Corp. Malaysia dan Smart Reader Worldwide.

Industri perhotelan juga telah menunjukkan minat khusus dalam menggunakan sistem dan peralatan kecekapan tenaga dalam pembinaan hotel-hotel baru serta pembaharuan semula dan pemodenan operasi hotel mereka - tujuh projek kecekapan tenaga yang telah diluluskan pada tahun 2011 telah dijalankan oleh pengusaha hotel.

### **Sektor Eksport yang Berkembang bagi Malaysia**

Di sebalik peningkatan aktiviti pelaburan dalam sektor perkhidmatan Malaysia pada tahun 2011, eksport dalam segmen ini berkembang sebanyak 1.6 peratus pada tahun 2011, kepada RM106.8 bilion daripada RM104.4 bilion

berbanding pada tahun 2010. Seperti lima tahun yang lalu, sebahagian besar eksport adalah dari subsektor pelancongan (lihat Carta 5). Import perkhidmatan berjumlah RM114.8 bilion berbanding dengan RM102.8 bilion pada tahun sebelumnya, menyebabkan sektor ini mengalami defisit perdagangan sebanyak RM8.0 bilion pada 2011 berbanding dengan lebihan sebanyak RM2.2 bilion pada tahun 2010.

Defisit perdagangan ini adalah disebabkan oleh perbelanjaan yang lebih rendah di kalangan pelancong asing, walaupun jumlah pelancong asing sebenarnya telah meningkat pada tahun 2011. Pada masa yang sama, rakyat Malaysia juga telah meningkatkan perbelanjaan mereka semasa

**Carta 5: Eksport Perkhidmatan Komersil Pada 2011**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

perjalanan ke luar negara untuk pelancongan atau rawatan kesihatan.

Caj pengangkutan perkapalan antarabangsa meningkat akibat kos bahan api global yang lebih tinggi, dan ini turut menyumbang kepada defisit perdagangan perkhidmatan. Hasil diperolehi daripada perkhidmatan perkapalan tempatan telah menurun akibat kesan krisis di kawasan Euro ke atas eksport barang. Segmen perjalanan dan pengangkutan, masing-masing menurun sebanyak 5.1 peratus dan 1.7 peratus pada tahun 2011, yang telah disebabkan oleh bencana alam di Jepun dan Thailand serta krisis di kawasan Euro dan kemelut di Asia Barat.



Kejuruteraan Malaysia dan perkhidmatan teknikal mendapat permintaan bukan sahaja di peringkat tempatan tetapi juga di peringkat antarabangsa.

Walau bagaimanapun, eksport perkhidmatan lain seperti pembinaan, ICT, insuran, kewangan dan lain-lain perkhidmatan perniagaan meningkat sebanyak 17.0 peratus kepada RM27.1 bilion, mencerminkan usaha Kerajaan untuk menjadikan subsektor perkhidmatan perniagaan sebagai penyumbang utama kepada pertumbuhan negara. Eksport perkhidmatan kejuruteraan Malaysia juga mencatatkan pertumbuhan kukuh sebanyak 15.8 peratus pada tahun 2011, ini telah memberikan negara satu portfolio antarabangsa berjumlah lebih RM3.7 bilion di pasaran utama seperti Indonesia, PRC, Thailand dan Timur Tengah.

Pasaran utama bagi eksport perkhidmatan Malaysia pada tahun 2011 adalah di Asia (terutama negara-negara ASEAN), Timur Tengah dan Australia, dan sektor perkhidmatan negara sebahagian besarnya terlindung daripada masalah kewangan Eropah dan pemulihan ekonomi AS yang perlahan. Walau bagaimanapun, pertumbuhan dalam eksport perkhidmatan dijangka meningkat secara

sederhana sebanyak 4.9 peratus pada tahun 2012 disebabkan oleh perbelanjaan yang lebih lembap di seluruh dunia.

Eksport perkhidmatan pendidikan pada tahun 2011 berjumlah RM663.7 juta. Dianggarkan terdapat seramai 93,000 pelajar asing yang kini sedang melanjutkan pelajaran mereka di negara ini di pelbagai peringkat. Sehingga tahun 2011, terdapat 20 universiti awam dan lebih daripada 580 institusi pengajian tinggi swasta di Malaysia, termasuk beberapa kampus cawangan universiti luar negara. MIDA meluluskan 357 projek bernilai RM1.5 bilion pada tahun 2011 dalam subsektor ini, berbanding 347 projek bernilai RM2.3 bilion pada tahun 2010.

#### **Penggunaan Swasta Memacu Pertumbuhan dalam Perdagangan Runcit dan Pengedaran**

Permintaan domestik Malaysia yang sihat terus merangsang subsektor perdagangan pengedaran, menyumbang sebanyak RM1.0 bilion dalam pelaburan asing dan RM1.5 bilion dalam pelaburan domestik pada tahun 2011.

Di sebalik tekanan inflasi yang disebabkan oleh pengurangan subsidi petrol RON97 pada separuh penggal 2011, Indeks Sentimen Pengguna Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) berada di atas paras 100 mata sepanjang tahun 2011, mencerminkan penggunaan swasta yang mampan dan sentimen pengguna yang positif.

Walau bagaimanapun, gangguan dalam rantai bekalan global yang disebabkan oleh gempa bumi di Jepun dan banjir di Thailand memberi kesan sampingan ke atas bekalan automotif dan segmen sektor runcit E&E apabila banyak syarikat besar terpaksa menjadualkan semula atau membatalkan pesanan disebabkan oleh kelewatan pengeluaran. Situasi ini adalah lebih jelas seperti mana yang dipamerkan oleh data am jualan kenderaan bermotor, didapati menguncup sebanyak 0.9 peratus pada tahun 2011. Di sebalik cabaran-cabaran tersebut, pertumbuhan subsektor ini sebanyak 7.6 peratus (lihat Jadual 1) pada tahun 2011 adalah amat memberangsangkan, walaupun mencatatkan pertumbuhan kurang daripada 8.0 peratus berbanding pada tahun 2010.

Pusat komersil yang sibuk di tengah-tengah bandaraya Kuala Lumpur.





Perkhidmatan harta tanah amat aktif pada tahun 2011, dengan harga harta tanah di kawasan terpilih meningkat seiring dengan permintaan.

#### Perkhidmatan Hartanah dan Komunikasi

Sebagai NKEA strategik di bawah Model Ekonomi Baru, perkhidmatan perniagaan dan profesional tetap menjadi salah satu subsektor negara yang semakin pantas berkembang. Hartanah kediaman menarik pelaburan bernilai RM16.9 bilion pada tahun 2011, lebih dua kali ganda daripada RM6.5 bilion pada tahun 2010. Aktiviti modal berkaitan pasaran juga memacu pertumbuhan yang kukuh dalam subsektor perkhidmatan harta tanah dan perniagaan, yang meningkat 6.3 peratus pada tahun 2011 berbanding dengan 7.8 peratus pada tahun sebelumnya.

ETP mengusulkan untuk meningkatkan sumbangan PNK dalam subsektor ini kepada RM 79.0 bilion menjelang 2020 dan mewujudkan hampir 250,000 pekerjaan. Pada tahun 2011, MIDA telah meluluskan pelaburan sebanyak RM163.0 juta di 18 Ibu Pejabat Operasi (OHQ). Ia juga meluluskan penubuhan enam Pusat Perolehan Antarabangsa (IPC) dengan pelaburan bernilai RM70.5 juta serta satu Pusat Pengedaran Serantau bernilai RM10.1 juta. Di samping itu, 87 pejabat serantau dan perwakilan ditubuhkan di Malaysia dengan jumlah pelaburan sebanyak RM48.3 juta.



SME Bank menawarkan perkhidmatan kewangan dan program perkembangan perniagaan setempat untuk usahawan baru.

**Jadual 1: Prestasi Sektor Perkhidmatan Pada Harga Malar 2000**

	2010	2011 <sup>p</sup>	2010	2011 <sup>p</sup>
	Perubahan Tahunan (%)	Sumbangan kepada KDNK (%)		
Perkhidmatan	6.8	6.8	57.7	58.6
Perkhidmatan Pengangkutan	7.2	6.2	25.2	25.5
Kewangan dan Insurans	6.4	5.9	11.7	11.8
Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan	7.8	6.3	5.5	5.5
Pengangkutan dan Penyimpanan	6.9	5.3	3.8	3.8
Komunikasi	8.5	7.6	4.2	4.3
Perkhidmatan Akhir	6.5	7.3	32.4	33.1
Perdagangan Borong dan Runcit	8.0	7.6	13.6	13.9
Penginapan dan Restoran	5.0	5.2	2.4	2.4
Utiliti	8.2	3.0	3.0	3.0
Perkhidmatan Kerajaan	5.8	11.6	7.5	8.0
Perkhidmatan Lain	4.0	4.1	5.9	5.8

Sumber: Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2011

Pengendalian kargo pukal dan gandum di Pelabuhan Bintulu.



#### Perkhidmatan Pengangkutan: Bergerak Mengikut Masa

Trafik penumpang udara meningkat sebanyak 10.6 peratus kepada 65.3 juta penumpang pada tahun 2011. Segmen kargo menurun sebanyak 2.1 peratus pada tahun yang sama.

Pengendalian kargo di lima pelabuhan maritim Malaysia iaitu Klang, Pulau Pinang, Kuantan, Bintulu dan Tanjung Pelepas menyumbang 79.4 peratus daripada jumlah keseluruhan 495.0 bilion tan metrik muatan (FWT) pada tahun 2011. Lima pelabuhan menyumbang 92.4 peratus ke atas pengendalian pemprosesan kontena berjumlah 20.0 bilion unit bersamaan dua puluh kaki (TEU).

Pembuatan di kilang baja dikawal secara berpusat dari bilik kawalan ini.



Seorang pakar penjagaan kesihatan mengkaji keputusan imbasan CT.

### Pelancongan dan Penjagaan Kesihatan

Sektor pelancongan mencatatkan 24.7 juta ketibaan pelancong pada tahun 2011, meningkat daripada 24.6 juta pada tahun 2010. Penerimaan pelancongan meningkat 3.2 peratus kepada RM58.3 bilion, iaitu peningkatan daripada RM56.5 bilion pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan dua angka dalam ketibaan yang direkodkan adalah dari negara-negara jarak sederhana dan jarak jauh seperti Kazakhstan, New Zealand, Rusia, Iran, Afrika Selatan, Perancis, Myanmar, PRC dan Chinese Taipei.

Pada tahun 2011, pelancongan perubatan telah berkembang sebanyak 48.4 peratus yang disumbangkan oleh seramai 583,295 pesakit asing. Seperti pada tahun-tahun sebelumnya, sebahagian besar sumbangan pelancong perubatan ke Malaysia pada tahun 2011 adalah dari Indonesia. Sebagai salah satu subsektor di bawah NKEA, subsektor penjagaan kesihatan di Malaysia dijangka menyumbang RM50.0 bilion kepada PNK menjelang 2020 dan mewujudkan lebih 181,000 pekerjaan dengan satu juta pelancong kesihatan melawat Malaysia setiap tahun. Subsektor penjagaan kesihatan adalah salah satu bidang yang disasarkan untuk diliberalisasikan di bawah Bajet 2012.



*“Adalah penting bahawa sasaran bagi inisiatif liberalisasi perkhidmatan dipenuhi. Sebaliknya, tanpa persekitaran yang kondusif, perkhidmatan tidak akan mampu menarik lebih banyak FDI. Kesemua inisiatif ini perlu dilaporkan kepada Perdana Menteri, terutamanya berkenaan dengan isu-isu pelaksanaan”.*

YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, pada mesyuarat Majlis Pembangunan Perkhidmatan Malaysia, 19 Januari 2012

Sebanyak 16 projek penjagaan kesihatan swasta yang baru telah diluluskan pada tahun 2011 yang merangkumi hospital, rumah bersalin, pusat penjagaan rawatan dan pusat pakar perubatan. Ini akan melibatkan pelaburan sebanyak RM712.5 juta, meningkat daripada RM555.9 juta pada tahun 2010.

#### Prospek: Liberalisasi Untuk Meningkatkan Daya Saing

Sektor perkhidmatan (tidak termasuk perkhidmatan kerajaan) disasarkan untuk menyumbang 61.0 peratus kepada KDNK negara menjelang 2015. Sebahagian besar pertumbuhan ini akan dihasilkan daripada usaha-usaha ransangan ekonomi Kerajaan. Selepas meliberalisasikan 27 subsektor ekonomi pada tahun 2009 dalam usaha untuk meningkatkan pelaburan, Kerajaan akan meliberalisasikan 17 lagi subsektor perkhidmatan pada tahun 2012 (lihat Jadual 2), yang membenarkan sehingga 100 peratus penyertaan ekuiti asing dalam subsektor terpilih.

Majlis Pembangunan Perkhidmatan Malaysia (MSDC) ditubuhkan untuk memantau dan

memastikan keberkesanan pelaksanaan usaha-usaha liberalisasi ini. Dipengerusikan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta dianggotai ahli-ahli daripada Kementerian lain yang berkaitan, seperti Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan sektor swasta, MSDC juga akan memantau inisiatif yang dikenal pasti di bawah Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI) untuk Persaingan, Standard dan Liberalisasi (CSL). MSDC juga akan mengkaji semula insentif pelaburan yang disediakan oleh MIDA dalam sektor perkhidmatan bagi memastikan ia relevan dan untuk mengelakkan pertindihan dengan apa yang ditawarkan oleh agensi-agensi kerajaan yang lain.

Pertumbuhan keseluruhan dalam sektor perkhidmatan dijangka menjadi perlahan pada 2012 kepada 5.1 peratus. Ini adalah disebabkan oleh aktiviti pelaburan yang lembap di seluruh dunia. Walau bagaimanapun, sektor perkhidmatan dijangka terus memacu pertumbuhan ekonomi pada tahun 2012 dan seterusnya, manakala tenaga kerja akan merubah ekonomi negara kepada sebuah ekonomi yang diterajui oleh perkhidmatan.

Jadual 2: Liberalisasi bagi 17 Subsektor Perkhidmatan pada 2012

Subsektor	Penyertaan ekuiti asing (%)
Perkhidmatan telekomunikasi – Penyedia perkhidmatan aplikasi (ASPs)	100 Januari 2012
Perkhidmatan telekomunikasi – Penyedia fasiliti jaringan (NFPs) dan penyedia perkhidmatan jaringan (NSPs)	70 Januari 2012
Perkhidmatan kurier	100 Januari 2012
Perkhidmatan pengajian tinggi swasta dengan status universiti	100 Tertakluk kepada pindaan Akta-Akta berkaitan
Sekolah antarabangsa	100 Mac 2012
Perkhidmatan pendidikan teknikal dan vokasional menengah	100 Januari 2012
Perkhidmatan pendidikan teknikal dan vokasional menengah untuk pelajar dengan keperluan khas	100 Januari 2012
Perkhidmatan latihan kemahiran	100 Januari 2012
Perkhidmatan hospital swasta	100 Januari 2012
Perkhidmatan klinik perubatan khusus	100 Tertakluk kepada pindaan Akta-Akta berkaitan
Perkhidmatan klinik pergigian khusus	100 Tertakluk kepada pindaan Akta-Akta berkaitan
Pusat membeli belah dan kedai khusus	100 Januari 2012
Perkhidmatan penunuuan	100 Januari 2012
Perkhidmatan perakaunan dan percukaian	100 Januari 2012
Perkhidmatan arkitek	100 Tertakluk kepada pindaan Akta-Akta berkaitan
Perkhidmatan kejuruteraan	100 Tertakluk kepada pindaan Akta-Akta berkaitan
Perkhidmatan guaman	Penubuhan antarabangsa dalam Bidang Praktis Dibenarkan (PPAs) Tertakluk kepada pindaan Akta-Akta berkaitan



**MEMBANGUNKAN  
PKS DAN  
PERUSAHAAN  
BUMIPUTERA**

Fasiliti penyelidikan bioteknologi ini memanfaatkan biodiversiti Malaysia untuk keuntungan komersil

Program SME Corp. Malaysia membantu perusahaan kecil dan sederhana seperti perniagaan perabot ini untuk merealisasikan potensi mereka sepenuhnya.

*Walaupun sektor awam dan konglomerat selalu mendapat perhatian utama dalam usaha menerajui pembangunan ekonomi Malaysia, pertumbuhan masa depan negara yang sebenar adalah terletak di bahu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang membentuk 99.2 peratus syarikat di Malaysia dan menyumbang 32.0 peratus kepada KDNK negara.*

Sepanjang tahun 2011, PKS berdepan dengan pelbagai cabaran seperti kenaikan harga bahan mentah, kenaikan kos tidak langsung (*overhead*) dan kos pelaburan awal yang tinggi. Walau bagaimanapun, PKS mendapat manfaat daripada peluang perniagaan baru yang diwujudkan melalui Projek Permulaan (EPP) di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP), khususnya dalam subsektor perkhidmatan pendidikan, penjagaan kesihatan, runcit, pertanian dan subsektor minyak dan gas.



*“PKS Malaysia perlu memperkuatkan kedudukan mereka dalam persediaan menghadapi proses liberalisasi yang telah membawa persaingan lebih sengit dan dekat, dan telah membuat perubahan kekal kepada persekitaran di mana mereka beroperasi. Tahun-tahun yang mendatang akan menjadi lebih kritikal bagi membina kapasiti dan keupayaan PKS bukan sahaja bagi menghadapi persaingan yang berterusan, tetapi juga merupakan kesempatan bagi PKS untuk merebut peluang yang diwujudkan hasil daripada langkah-langkah liberalisasi dan projek-projek ETP dalam merealisasikan pertumbuhan.”*

YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia / Pengurus Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK), Oktober 2011

SME Corporation Malaysia (SME Corp. Malaysia) telah ditubuhkan pada tahun 2009 dengan mandat untuk menyelaras dan menerajui agenda pembangunan PKS kebangsaan di Malaysia. Pada tahun 2011, SME Corp. Malaysia terus memainkan peranan sebagai agensi penyelaras berpusat bagi pembangunan keseluruhan PKS di semua sektor ekonomi negara, menyelia pelaksanaan 183 program dengan perbelanjaan kewangan sebanyak RM4.7 bilion. Daripada jumlah ini, RM4.3 bilion telah diperuntukkan bagi akses kepada pembiayaan PKS, RM310.8 juta disediakan untuk mengembangkan keupayaan serta kapasiti PKS, dan RM110.8 juta lagi disalurkan bagi infrastruktur yang berkaitan pembolehkeupayaan pembangunan PKS. Program-program dan aktiviti ini melibatkan usaha bersepada daripada lebih 15 Kementerian dan 60 agensi.

#### Strategi Meluas untuk Mempertingkatkan PKS

Melangkah ke hadapan, Kerajaan berhasrat untuk meningkatkan sumbangan PKS kepada KDNK iaitu kepada 41.0 peratus menjelang tahun 2020. Ini akan dicapai melalui hala tuju



Peningkatan kemahiran dan latihan teknikal akan membolehkan PKS meningkatkan keupayaan pengeluaran mereka dan meningkatkan penawaran pasaran.



Pelan Induk PKS meningkatkan pembiayaan untuk perusahaan kecil dan sederhana.

dasar Pelan Induk PKS (2012-2020), satu strategi komprehensif bagi pembangunan PKS yang telah diluluskan oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) pada November 2011. Pelan Induk ini bertujuan mewujudkan ekosistem yang kondusif bagi merangsang pertumbuhan PKS. Visi Pelan Induk PKS adalah untuk mewujudkan PKS yang berdaya saing di peringkat global yang dapat meningkatkan kekayaan dan menyumbang kepada kesejahteraan sosial negara.

Pelan Induk PKS terdiri daripada empat matlamat strategik: meningkatkan pertumbuhan perniagaan, meningkatkan pemformalan penubuhan PKS, meningkatkan produktiviti

PKS dan meningkatkan bilangan syarikat yang mempunyai pertumbuhan tinggi dan berinovasi. Di samping itu, enam bidang tumpuan telah dikenal pasti untuk menyokong matlamat ini, iaitu menggalakkan inovasi dan penyerapan teknologi, meningkatkan akses kepada pembiayaan, membolehkan persekitaran pengawalseliaan yang lebih mesra perniagaan, peningkatan pembangunan modal insan, meningkatkan pasaran dan menambah baik infrastruktur.

Daripada 32 pelan tindakan utama yang digariskan dalam Pelan Induk PKS, enam Program Impak Tinggi (HIP) telah dirangka untuk mencapai matlamat strategik ini.

HIP 1: Integrasi pendaftaran dan pelesenan pertubuhan perniagaan bertujuan mewujudkan satu pusat pendaftaran tunggal melalui penghubungan sistem semasa, HIP2: Platform Pengkomersilan Teknologi (TCP) bagi mempromosikan idea yang inovatif bermula dari peringkat pembuktian konsep sehingga ke peringkat pengkomersilan. Sementara itu, HIP 3:Program Pelaburan PKS (SIP) menyediakan sokongan pembiayaan bagi PKS baru yang berpotensi dan HIP 4: Program ‘Going Export’ (GoEx) menawarkan bantuan khusus kepada pengeksport dan PKS yang menceburi pasaran baru di luar negara.

HIP 5: Program Pemangkin bertujuan untuk mewujudkan juara tempatan melalui pendekatan yang lebih tertumpu dengan sokongan dalam bidang pembiayaan, akses kepada pasaran dan pembangunan modal insan. Terakhir, HIP 6: Inovasi Keterangkuman direka khusus bagi membolehkan 40 peratus golongan berpendapatan rendah memanfaatkan inovasi dalam menggalakkan transformasi komuniti, termasuk perusahaan mikro di luar bandar.

Perusahaan pengukiran kayu tradisional manjadikan sifat unik kebudayaan Malaysia satu faktor tarikan dan penarik.



#### Inisiatif Lain dan Dasar Pembangunan

MPPK juga meluluskan Pelan Tindakan Bersepadu PKS 2011 (SMEIPA), yang menggariskan program-program yang ada untuk pembangunan PKS pada tahun 2011. Di samping itu, SME Corp. Malaysia memperkenalkan SMEIPA Online, satu portal khusus untuk menyediakan akses bertepatan kepada maklumat berkenaan dengan SMEIPA kepada kementerian dan agensi yang terlibat di dalam pembangunan PKS.



Perabot kayu diukir tangan disediakan untuk penghantaran ke pasaran.

PKS yang mencapai potensi penuh mereka berupaya menjadikan jenama diiktiraf di peringkat kebangsaan.



Kebanyakan pusat inkubator, seperti di Taman Teknologi Malaysia (TPM) dan SIRIM, terus menyediakan usahawan baru dengan rangsangan permulaan melalui bimbingan, latihan, rangkaian, bantuan teknikal dan akses kepada pembiayaan. Dalam usaha untuk meningkatkan lagi keberkesanan program inkubator sedia ada, MPPK telah meluluskan penubuhan Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan yang akan memantau dan menyelaras pusat inkubator yang sedia ada.

MPPK juga meluluskan cadangan untuk Minggu PKS, satu program *outreach* di seluruh negara untuk menggalakkan inisiatif pembangunan PKS, yang melibatkan semua kementerian dan agensi-agensi yang berkaitan. Program Minggu PKS dijadualkan bermula pada bulan Jun 2012.

Pada tahun 2011, Kerajaan telah mengumumkan Polisi Laluan Hijau, yang menyediakan insentif-insentif untuk PKS



Kebanyakan bengkel tayar di Malaysia merupakan PKS.

yang berinovatif yang telah menerima pengesahan daripada SME Corp. Malaysia, Malaysian Biotechnology Corporation (BiotechCorp), Multimedia Development Corporation (MDeC) dan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC). Insentif yang diberikan di bawah polisi ini termasuk pembiayaan, insentif cukai dan keutamaan dalam perolehan Kerajaan.

Aktiviti pembangunan dan sokongan MITI untuk PKS tempatan adalah selaras dengan strategi di bawah RMK-10 dan IMP3. Di samping itu, aktiviti-aktiviti ini juga sejajar dengan Strategi Baru untuk Pembaharuan Struktur APEC (ANSSR), yang memerlukan negara-negara APEC melaksanakan sasaran pembaharuan struktur pada tahun 2011, termasuk mempromosikan pembangunan PKS yang berterusan.

Industri makanan dan produk herba Malaysia boleh meningkatkan potensi eksport mereka dengan pensijilan halal.

#### Menangani Cabaran Akses Pasaran

MITI melalui SME Corp. Malaysia meneruskan tradisi mengadakan Pameran Inovasi PKS 2011 (SMIDEX), dengan tema "Mempelopori Transformasi Perniagaan Melalui Inovasi". SMIDEX 2011 berjaya mencatatkan jualan berpotensi sebanyak RM194.7 juta daripada sesi pemasaran perniagaan, peningkatan 108.6 peratus dari tahun sebelumnya. Sesi-sesi ini termasuk sesi peluang perniagaan dengan dua syarikat multinasional aeroangkasa, Boeing dan BAE Systems. SME Corp. Malaysia juga mengaturkan tiga Program Promosi dengan AEON (M) Sdn Bhd, MYDIN dan Pasar raya Giant di negara Brunei Darussalam, dengan tema dan pendekatan yang berbeza. Secara keseluruhan, 61 PKS mendapat manfaat daripada program-program ini, yang menjana nilai jualan sebanyak RM270,472.





Penyelidikan usahasama dengan universiti di Malaysia menghasilkan produk yang lebih berinovasi.

*“Adalah dijangkakan bahawa melalui Program ini [SME@University], PKS akan mampu untuk membentuk matlamat, terutamanya dalam pemasaran yang kreatif, rangkaian perniagaan yang inovatif serta apa sahaja kualiti yang diperlukan untuk menjadi CEO yang bertaraf dunia.”*

YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, di Pelancaran Majlis Program SME@University, 23 Jun 2011

Sejajar dengan wawasan Kerajaan untuk bergerak ke arah e-dagang dan menggalakkan keusahawanan muda, SME Corp. Malaysia dengan kerjasama Multimedia Development Corporation (MDeC) dan POS Malaysia menganjurkan bengkel yang direka bagi memberi pendedahan kepada PKS dengan amalan terbaik untuk proses perniagaan dalam talian. Kerjasama ini mensasarkan spektrum yang meluas kepada PKS, memberikan mereka peluang untuk membiasakan diri dalam persekitaran Perniagaan ke Perniagaan (B2B) atau Perniagaan ke Pelanggan (B2C). Secara keseluruhan, pada tahun 2011 sebanyak lapan bengkel telah dianjurkan dengan penyertaan lebih daripada 220 PKS. Program ini telah mendapat 90 peratus kadar penyertaan PKS bagi pemasaran dalam talian, dengan jumlah nilai jualan yang dijanai bagi 2011 bernilai RM16.5 juta.

SME Corp. Malaysia dengan kerjasama SIRIM QAS International Sdn Bhd telah membangunkan National Mark of Malaysian Brand yang menggambarkan kualiti, kecemerlangan dan

perbezaan produk dan perkhidmatan oleh syarikat-syarikat Malaysia. National Mark of Malaysian Brand telah diberikan kepada 18 syarikat pada Persidangan Jenama Usahawan (BEC) 2011. Secara keseluruhan, pada tahun 2011, sebanyak 37 syarikat telah diiktiraf dengan National Mark of Malaysian Brand. Penerima sebelumnya telah berjaya mengembangkan perniagaan ke pasaran di luar negara seperti Filipina, Thailand, PRC dan negara-negara Timur Tengah.

#### **Program untuk Memupuk Keusahawanan dan Inovasi**

Menyedari pentingnya pembangunan modal insan kepada pembangunan PKS, Program PKS di Universiti (SME@University) telah dilancarkan pada tahun 2011 dengan memberi fokus kepada usaha-usaha untuk meningkatkan kemahiran pengurusan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) PKS. Program ini adalah berdasarkan kepada kepakaran dan amalan terbaik dari Tokyo SME University, yang dilaksanakan oleh SME Support Japan.



### ***Lawatan Turun Padang: Karnival Inovasi***

Pada tahun 2011, YB Dato' Sri Mustapa Mohamed merasmikan beberapa Karnival Inovasi di Langkawi, Petaling Jaya dan Jeli, di mana MITI melalui Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) menganjurkan aktiviti untuk memupuk inovasi dan kreativiti di kalangan usahawan Malaysia. Budaya inovasi telah dikenal pasti sebagai pemacu penting

Kerajaan juga meneruskan Program SME-University Internship, satu inisiatif yang telah mula dilaksanakan pada tahun 2008. Program ini menghubungkan industri dengan institusi pengajian, dengan memberi pengalaman mengenai perniagaan di dalam persekitaran yang sebenar kepada para pelajar. Bagi tahun 2011, sebanyak 14 universiti telah menamatkan program tersebut dengan penglibatan 326 orang pelajar dan 61 PKS.

Pada tahun 2011, pelajar-pelajar di Free Enterprise (SIFE), sebuah organisasi bukan berdasarkan keuntungan antarabangsa yang menyokong pelajar universiti dalam program kemasyarakatan, menganjurkan Piala Dunia SIFE tahunannya di Malaysia. Seramai 2,800 pelajar dari 37 buah negara telah mengadakan pertemuan di Kuala Lumpur untuk membentang dan membandingkan amalan terbaik dalam program komuniti mereka, di samping membentuk kemahiran keusahawanan yang bernilai.

Malaysia telah pengajur Sidang Kemuncak Usahawan Muda APEC (APEC YES) pada tahun 2011, satu program yang memberi peluang

kepada usahawan mempamerkan produk-produk tempatan serta platform untuk padanan perniagaan. Sidang Kemuncak tersebut telah dihadiri oleh seramai 468 orang peserta, yang terdiri daripada usahawan, pegawai kerajaan dan penceramah dari 15 ekonomi APEC.

SME Corp. Malaysia juga menggalakkan sistem inovatif dalam PKS melalui program 1-InnoCERT, yang menerima 320 pendaftaran pada tahun 2011. Dari jumlah ini, sebanyak 168 syarikat telah menyempurnakan pelaksanaan penilaian kendiri dalam talian dan 37 syarikat telah berjaya diiktiraf selepas audit di tapak perniagaan dilaksanakan oleh SIRIM Berhad. PKS yang diiktiraf 1-InnoCERT juga dipilih untuk menyertai Anugerah Inovasi PKS di SMIDEX 2011. Anugerah tersebut telah dimenangi oleh syarikat ProEight Offshore Engineering Sdn Bhd, yang menerima hadiah wang tunai RM1.0 juta, dan Biofusion Sdn Bhd, Malaysia Mikroelektronik Solutions Sdn Bhd, Success Nexus Sdn Bhd dan N2N Global Solutions Sdn Bhd, masing-masing menerima hadiah wang tunai RM200,000 sebagai pemenang dalam kategori yang berkaitan.



Pelan Induk PKS mengambil kira kumpulan yang kurang bernasib baik, seperti masyarakat luar bandar.

Selaras dengan inisiatif Kerajaan untuk mewujudkan pekerja berpengetahuan dan ke arah ekonomi berpendapatan tinggi, SME Corp. Malaysia terus menyediakan kemudahan untuk PKS bagi meningkatkan kemahiran dan keupayaan pekerja melalui Program Peningkatan Kemahiran PKS. Kini, program ini ditawarkan melalui 38 Pusat Pembangunan Kemahiran

dan Penyedia Latihan Profesional yang dilantik, berperanan dalam menjayakan program melatih 3,901 pekerja PKS pada tahun 2011.

Program Pembangunan Vendor (PPV) bertujuan membangunkan PKS Bumiputera sebagai pengilang dan pembekal komponen dan perkhidmatan yang diperlukan oleh syarikat-

syarikat berkaitan kerajaan, syarikat-syarikat multinasional dan syarikat-syarikat besar tempatan. Bilangan syarikat vendor yang aktif meningkat kepada 771 pada tahun 2011, peningkatan sebanyak 680 pada tahun 2010, dengan nilai kontrak berjumlah RM3.6 bilion.

Pada tahun 2011, PPV telah menganjurkan dua program latihan teknikal dengan Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) kepada 94 syarikat vendor. Seminar teknikal mengenai bahan dan teknologi baru dalam pembuatan perabot juga telah dianjurkan dengan kerjasama Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (STIDC). Seminar tersebut telah dihadiri oleh 136 peserta dari syarikat vendor, NGO, pelajar dan agensi kerajaan.

MATRADE menawarkan bantuan kepada PKS untuk pembangunan aktiviti eksport melalui Geran Pembangunan Pasaran (MDG). Melalui MDG, syarikat-syarikat boleh mendapatkan 50 peratus pembayaran balik melalui geran padanan pada kos yang diluluskan bagi aktiviti-aktiviti yang dibenarkan. MATRADE juga menawarkan Geran Promosi Jenama (BPG) untuk pembangunan dan promosi jenama di pasaran antarabangsa.

Pembuatan makanan dan minuman tempatan boleh mendapat manfaat daripada perkhidmatan perundingan produk dan reka bentuk pembungkusan.



### Menyediakan Infrastruktur untuk PKS

SME Bank meneruskan bantuan melalui Skim Premis Usahawan, satu pendekatan pembangunan keusahawanan secara bersepadu untuk menyokong pembangunan PKS melalui penyediaan ruang kilang dengan kadar sewa berpatutan bagi PKS yang baru. Ruang-ruang perusahaan ini disediakan di seluruh negara dengan kebanyakannya adalah bagi memenuhi keperluan sektor pembuatan. Peserta-peserta skim ini juga disediakan dengan sumber pembiayaan, latihan keusahawanan dan khidmat nasihat.

### Peningkatan Usahawan Bumiputera

Aktiviti MITI untuk meluaskan penyertaan usahawan Bumiputera dalam ekonomi negara sepanjang 2011 melibatkan 37 program dengan usahasama dari sembilan Kementerian dan 23 agensi. Sejumlah RM693.0 juta telah diperuntukkan untuk pembangunan keusahawanan Bumiputera.

Bahagian Pembangunan Keusahawanan (BPU) di MITI berfungsi sebagai pusat bagi pembangunan dasar dan program untuk semua agensi di bawah MITI yang melibatkan pembangunan keusahawanan Bumiputera. Pada tahun 2011, BPU telah meningkatkan kerjasama dengan pelbagai agensi Kerajaan bagi pembangunan usahawan Bumiputera dan memudahkan perniagaan mereka. BPU meneruskan pelaksanaan program-program yang telah diselaraskan dan diajar dengan agenda dan dasar-dasar negara. Program utama untuk PKS Bumiputera pada tahun 2011 termasuk Program Peningkatan Entrepris Bumiputera (BEEP), dan program-program dana dan skim pembiayaan seperti Dana Pembiayaan PKS oleh SME Bank dan Tabung Usahawan Baru 2 (NEF2) oleh Bank Negara Malaysia.



### Lawatan Turun Padang: Gerik, Perak

Pada 25 Jun 2011, YB Dato' Sri Mustapa Mohamed merasmikan acara Lawatan Turun Padang di Gerik, Perak, yang menampilkan 99 gerai yang membolehkan usahawan untuk memasarkan produk mereka kepada orang ramai. MITI juga membina jaringan hubungan yang lebih besar dengan usahawan Bumiputera untuk meningkatkan kesedaran mengenai kemudahan dan inisiatif yang boleh membantu perniagaan Bumiputera.



Ramai PKS yang berjaya bermula sebagai perniagaan keluarga.

### Latihan untuk Pembangunan Keusahawanan

Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) terus menyediakan latihan kepada usahawan sedia ada dan berpotensi melalui pelbagai program latihan serta khidmat nasihat. Ini termasuk program pembudayaan bagi pelajar sekolah rendah dan menengah, pelajar universiti dan orang awam.

INSKEN turut menjalankan program ‘Pengenalan kepada Keusahawanan’ dalam bentuk kursus, seminar dan bengkel untuk memperkenalkan keusahawanan kepada bakal usahawan.

INSKEN melaksanakan program penambahbaikan bagi membantu usahawan yang mempunyai potensi untuk maju ke tahap yang lebih tinggi dalam perniagaan. Program-program ini meliputi topik-topik seperti peningkatan perniagaan dan pengurusan strategik. Program rangkaian juga diadakan dengan kerjasama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta penglibatan tokoh-tokoh usahawan tempatan dan ketua-ketua industri.




### **Lawatan Turun Padang: Karnival Usahawan, Jerlun, Kedah**

Pada 22 Julai 2011, YB Dato' Sri Mustapa Mohamed merasmikan Karnival Usahawan Kedah di Jerlun, Kedah. Acara ini menyediakan tempat bagi usahawan Bumiputera untuk memperluaskan pasaran mereka dan rangkaian perniagaan. Di samping itu, khidmat nasihat meningkatkan kesedaran kewangan dan satu seminar keusahawanan juga telah diadakan untuk membantu PKS menjadi lebih berdaya saing.

*“Salah satu daripada cabaran utama pada masa ini ialah keupayaan perniagaan Bumiputera yang kecil dan bersub-skala. Showcase SDSI merupakan langkah penting yang dimulakan oleh MITI untuk mengukuhkan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi Malaysia melalui penjanaankekayaan serta meningkatkan keusahawanan berpacuan inovasi.”*

YB Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

**Carta 1: Penyertaan PKS dalam SDSI Showcase, 2010-2011**




Sebanyak 30,094 peserta telah mendapat manfaat daripada program latihan untuk usahawan Bumiputera pada tahun 2011. Latihan ini termasuk program Go Halal dengan 11,708 peserta, Institut Latihan Kemahiran Swasta Bumiputera (ILKSBB) dengan 3,206 orang peserta dan Perundingan Sehenti dan Khidmat Nasihat oleh Pusat Rujukan dan Bimbingan Usahawan (BAC) dengan 2,594 peserta.

### **Menawan Pasaran Melalui Program Turun Padang**

Program Turun Padang MITI (*outreach*) diteruskan pada tahun 2011 melalui anjuran seminar dan aktiviti promosi di Pekan (Pahang), Besut (Terengganu), Gerik (Perak), Jerlun (Kedah) dan Jeli (Kelantan). Acara-acara outreach ini menghasilkan peningkatan dalam pendedahan perniagaan dan jualan produk untuk 1,027 usahawan Bumiputera. Pada masa yang sama, acara-acara *outreach* ini juga memberikan promosi dan kesedaran kepada orang ramai mengenai peranan MITI dalam pembangunan usahawan.

**Carta 2: Jualan di SDSI Showcase, 2010-2011**



Perabot buatan tempatan kini menjadi barang yang paling mendapat perhatian di bilik pameran seluruh dunia.



Program Galeri Pembungkusan Dan Penjenamaan Bergerak, 'Beyond Awareness 2011', menyediakan pendekatan holistik ke arah penjenamaan untuk usahawan luar bandar di seluruh negara. SME Corp. Malaysia menjemput agensi-agensi berkaitan seperti LUCT, SIRIM, FMM dan MyIPO untuk bekerjasama dan menjadi penceramah di program Galeri Bergerak, dengan objektif mewujudkan kesedaran dan menyediakan khidmat nasihat perkhidmatan bagi penjenamaan dan pembungkusan.

Destinasi-destinasi bas Galeri Bergerak ini termasuklah Felda Wilayah Chini, Pahang; Grik, Perak, Muar, Johor, Kepala Batas, Pulau Pinang dan Jeli, Kelantan. Sebanyak 15 lawatan telah dijalankan, dan telah memberi manfaat kepada 1,748 peserta.

MITI merupakan peneraju Promosi, Pemasaran dan Pembangunan Usahawan bagi jawatankuasa peringkat kebangsaan untuk program Satu Daerah Satu Industri (SDSI). *Showcase SDSI 2011*



Automasi industri boleh meningkatkan kapasiti keluaran PKS dengan signifikan

menyediakan ruang pameran tahunan yang terbesar bagi jualan produk daripada lima kluster termasuk kluster makanan dan minuman dan kluster kraftangan. Sejumlah 524 usahawan Bumiputera mengambil bahagian sebagai peserta pameran, manakala 980 orang peserta seminar telah mendapatkan khidmat nasihat perniagaan di klinik perniagaan yang disediakan dan sesi pemanduan perniagaan untuk mengenalpasti pembeli bagi produk-produk mereka.

Di samping *Showcase SDSI*, usahawan-usahawan tempatan juga berpeluang menyertai acara perniagaan domestik yang lain dengan bantuan dari Kerajaan dalam bentuk pembiayaan bagi penyewaan gerai pameran. Sebanyak 836 peserta pameran mengambil bahagian dalam 19 pesta domestik pada 2011.

Program Peningkatan Kualiti Produk dan Perkhidmatan (*Groom Big*) menyokong usahawan Bumiputera yang ingin meningkatkan reka bentuk produk, pembungkusan dan kualiti mereka supaya memenuhi standard yang ketat untuk pasaran tempatan dan eksport. Dua belas Bengkel Pemantauan dan Bimbingan telah diadakan di peringkat negeri untuk 428 orang peserta *Groom Big* sedia ada, manakala peserta yang berpengalaman menyertai salah satu daripada dua modul lanjutan yang dilaksanakan oleh MATRADE dan MPC pada tahun 2011. Seramai 16 usahawan telah terlibat dalam Program Pembangunan Pengeksport Bumiputera (BEDP), manakala 10 orang peserta menyertai Program Promosi Kecemerlangan Organisasi.



Francais makanan dan minuman yang berjaya menyediakan pekerjaan dan memacu pertumbuhan ekonomi.



Program *Groom Big* juga merangkumi program pembangunan perabot dengan kerjasama Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), termasuk program pembangunan produk serta memudahkan penyertaan usahawan dalam pameran perdagangan dan pameran di luar negara. Melalui *Groom Big*, 12 usahawan yang mengambil bahagian dalam Pameran Perabot Antarabangsa Malaysia 2011, telah mencapai jualan bernilai RM3.0 juta. Di samping itu, MITI membantu tujuh usahawan untuk mempamerkan perabot mereka di enam bilik pameran di India, serta memudahkan lapan usahawan untuk mengambil bahagian dalam Pameran Perabot Indeks di Mumbai, India, dengan mencapai jumlah jualan sebanyak RM1.5 juta.

MITI juga membantu pemasaran produk usahawan Bumiputera tempatan ke pasaran yang lebih luas melalui program Koleksi Produk dan Pusat Pemasaran (4PU) dengan kerjasama syarikat pengedaran dan pemasaran Malaysia. Tiga program 4PU diadakan di Malaysia, satu program 4PU di Viet Nam manakala satu program 4PU di Kemboja telah membantu 192 orang peserta dalam usaha mengenalpasti horizon baru untuk tujuan pengembangan pasaran.

Di samping itu, perkongsian strategik dengan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC) membantu mempromosikan usahawan-usahawan Bumiputera di lokasi-lokasi utama seperti di terminal-terminal di lapangan terbang.

Usahawan Bumiputera mempunyai potensi untuk memanfaatkan pasaran produk halal global. MITI melalui Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC) bertanggungjawab menyelaras pembangunan industri halal. Pada tahun 2011, MITI telah menganjurkan Mesyuarat Kelima bagi Pertumbuhan Segitiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) mengenai Kumpulan Kerja Produk dan Perkhidmatan Halal (WGHAPAS), dan juga mengetuai delegasi Mesyuarat Kelapan Kumpulan Kerja ASEAN mengenai Makanan Halal dan sesi ke-27 Jawatankuasa Tetap bagi Kerjasama Ekonomi dan Komersial bagi Pertubuhan Persidangan Islam (COMCEC). MITI juga aktif dalam perbincangan dalam Statut bagi Institut Standard dan Metrologi bagi Negara-negara Islam (SMIIC) dan mengambil peranan utama dalam isu-isu halal dan standard. Sejumlah 150 syarikat mendapat manfaat daripada Program Transformasi Halal pada tahun 2011.

### Menggalakkan Pelaburan Bumiputera

Pada tahun 2011, MITI telah memperuntukkan sebanyak 969.9 juta unit saham khas Bumiputera yang ditawarkan oleh 17 syarikat. Saham-saham ini adalah diperuntukkan kepada 14,107 pelabur Bumiputera dengan nilai RM2.2 bilion. Antara syarikat-syarikat besar dan sektor yang mengambil bahagian dalam Papan Utama Bursa Malaysia untuk 2011 adalah UOA Development

Pengeluar tempatan telah memasuki pasaran antarabangsa dengan produk getah mereka.

Syarikat-syarikat Bumiputera terlibat secara aktif dalam industri perkhidmatan pengangkutan.



Berhad untuk sektor pembinaan, MSM Malaysia Holdings Berhad untuk sektor komoditi/gula, Oldtown Berhad bagi sektor runcit dan Bumi Armada Berhad bagi sektor logistik.

### Membuka Akses kepada Pembiayaan

Pada tahun 2011, MITI melalui Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) telah meluluskan permohonan bagi pembiayaan di bawah beberapa skim untuk memenuhi keperluan PKS. Di bawah Skim Pinjaman Mudah untuk Pembangunan Automotif, MIDF telah meluluskan permohonan berjumlah RM70.4 juta, untuk membantu vendor komponen dan alat ganti automotif, termasuk PKS. Pada tahun 2011, MIDF juga meluluskan 283 permohonan berjumlah RM172.7 juta di bawah Skim Pinjaman Mudah untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (SLSME), yang menyediakan

bantuan untuk syarikat-syarikat yang baru bermula dengan akses kepada pembiayaan awal dan membantu PKS yang telah kukuh untuk memperluaskan dan meningkatkan perniagaan mereka.

Thailand bukan satu-satunya negara di rantau ini yang telah mengalami kerugian ekonomi akibat banjir pada tahun 2011. Beberapa negeri di Malaysia turut dilanda banjir pada musim tengkujuh, menyebabkan kerugian ekonomi kepada perniagaan tempatan. Pada tahun 2011, MIDF telah meluluskan 76 permohonan di bawah Skim Bantuan Banjir PKS, yang menyediakan pembiayaan bagi jentera dan peralatan, saham dalam perdagangan dan barang makanan yang diperlukan oleh PKS untuk kembali pulih daripada bencana alam itu.

Infrastruktur lebuh raya negara adalah tulang belakang ekonomi Malaysia.

### Prospek: Menyokong Langkah Seterusnya bagi Perjalanan PKS

Tahun 2012 dijangka menyaksikan KDNK mengalami pertumbuhan perlahan selaras dengan kelembapan ekonomi global. Pertumbuhan yang perlahan ini boleh menjelaskan pertumbuhan PKS secara keseluruhannya. Bagi menghadapi keadaan ini, Kerajaan akan terus memperkenalkan inisiatif-inisiatif baru serta memperkuuhkan program-program yang sedia ada untuk membantu PKS mengharungi persekitaran ekonomi yang mencabar dalam tahun 2012.

Usahawan-usahawan Malaysia dijangka menerima sokongan tambahan daripada langkah-langkah yang diperkenalkan di bawah Bajet 2012, termasuk Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), yang akan membimbing 1,100 syarikat Bumiputera berprestasi tinggi yang berpotensi untuk disenaraikan di Bursa Malaysia. Usahawan Bumiputera dan kontraktor dijangka mendapat manfaat




daripada program pembangunan usahawan bersepadu yang memberi tumpuan kepada kawasan luar bandar, melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah. Skim pembiayaan mikro TEKUN akan terus menyokong perusahaan mikro dengan peningkatan peruntukan sebanyak RM300.0 juta. Pada masa yang sama, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dijangka menyediakan RM2.1 bilion untuk pembiayaan mikro, dengan memberi penekanan terhadap pembiayaan mikro bagi usahawan wanita serta peruntukan kepada usahawan India dan Cina Malaysia.

Pada tahun 2012, PKS yang ditimpa oleh bencana alam boleh memohon bantuan kewangan di bawah Tabung Kecemasan PKS seperti yang diumumkan dalam Bajet 2012. Dana RM10.0 juta ini menyediakan bantuan seperti yang disediakan oleh Skim Bantuan PKS Banjir, yang meliputi bencana alam seperti banjir, ribut, tanah runtuh, hakisan pantai dan kemarau.

### Memanfaatkan Pasaran Halal Global

Penduduk Islam di seluruh dunia yang dianggarkan berjumlah 1.8 bilion, merupakan pasaran pengguna yang besar dan boleh ditembusi oleh usahawan produk halal Malaysia pada masa depan. Demografi penduduk Islam dijangka meningkat dua kali ganda daripada kadar keseluruhan penduduk dunia, dan seperti mana negara-negara membangun kini semakin menyaingi negara-negara maju, demikian juga kuasa beli umat Islam semakin meningkat. Trend sejarah menunjukkan bahawa kuasa membeli penduduk Islam dari segi KDNK per kapita telah berkembang dengan cepat setiap tahun berbanding rakan-rakan globalnya dalam tempoh dua dekad yang lalu.



Pelan Induk Industri Halal mensasarkan empat sektor (khususnya makanan diproses, kosmetik dan produk penjagaan diri, penternakan dan bahan-bahan halal) untuk pembangunan dalam usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai Hab Halal Global, memacu pertumbuhan industri halal.

Pada tahun 2011, 700 pengeksport produk halal Malaysia menyumbang sebanyak RM35.4 bilion kepada eksport (tidak termasuk minyak sawit), mewakili kira-kira 5.1 peratus daripada jumlah eksport bagi tahun itu. Bahan-bahan halal dan produk makanan dan minuman mewakili eksport halal kedua terbesar, masing-masing menyumbang RM12.3 bilion dan RM11.9 bilion, diikuti oleh derivatif minyak sawit (RM7.0 bilion), kimia perindustrian (RM2.1 bilion) dan kosmetik dan produk penjagaan diri (RM1.8 bilion).



Timbalan Menteri (Perdagangan), YB Dato' Mukhriz Tun Mahathir melawat perusahaan halal yang berjaya



Pelaburan dalam industri halal telah bertumpu di Taman-taman Halal yang terdapat di seluruh negara, di mana pengendali taman boleh memohon untuk mendapatkan insentif halal. Enam HALMAS ditauliahkan Taman Halal di negara ini membantu meningkatkan jumlah pelaburan berjumlah RM5.8 bilion pada tahun 2011.

Tahun 2011 merupakan tahun yang sangat produktif bagi Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC). HDC telah memupuk 97 syarikat tempatan melalui program Transformasi Perniagaan Halal. Di samping itu, HDC melatih 12,000 pengguna dalam isu berkaitan halal, menhasilkan 245 orang Eksekutif Halal dan melatih 490 Juruaudit Halal. HDC juga mengekalkan Portal Pengetahuan Halal dan Industri untuk meningkatkan kesedaran maklumat industri halal, dan menekankan Jenama Halal Malaysia melalui promosi media dan acara.



## LAMPIRAN

Pertanian komersil memenuhi lanskap di Tanah Tinggi Cameron.

## LAMPIRAN 1: PERTUBUHAN DAN KUMPULAN KEAHLIAN

Pertubuhan/ Kumpulan	Negara Ahli/Ekonomi
APEC	Australia, Brunei Darussalam, Kanada, Chile, Hong Kong SAR, Indonesia, Jepun, Malaysia, Mexico, New Zealand, Papua New Guinea, Republik Rakyat China, Peru, Filipina, Republik Korea Selatan, Rusia, Singapura, Chinese Taipei, Thailand, Amerika Syarikat dan Viet Nam.
ASEAN	Brunei Darussalam, Kemboja, Indonesia, Lao PDR, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Viet Nam.
ASEAN-CER	ASEAN, Australia dan New Zealand.
CEFTA	Albania, Bosnia dan Herzegovina, Croatia, Macedonia, Moldova, Montenegro, Serbia dan United Nations Interim Administration Mission di Kosovo (UNMIK).
KOMANWEL	Antigua dan Barbuda, Australia, Bahamas, Bangladesh, Barbados, Belize, Botswana, Brunei Darussalam, Cameroon, Kanada, Cyprus, Dominica, Fiji, Gambia, Ghana, Grenada, Guyana, India, Jamaika, Kenya, Kiribati, Lesotho, Malawi, Malaysia, Maldives, Malta, Mauritius, Mozambique, Namibia, Nauru, New Zealand, Nigeria, Pakistan, Papua New Guinea, Rwanda, St. Kitts dan Nevis, Saint Lucia, Saint Vincent dan the Grenadines, Samoa, Seychelles, Sierra Leone, Singapura, Kepulauan Solomon, Afrika Selatan, Sri Lanka, Swaziland, Tonga, Trinidad dan Tobago, Tuvalu, Uganda, United Kingdom, United Republik Tanzania, Vanuatu dan Zambia
D-8	Bangladesh, Mesir, Indonesia, Iran, Malaysia, Nigeria, Pakistan dan Turki.
EAEC	ASEAN, Jepun, Republik Rakyat China dan Republik Korea Selatan.
ECO	Afghanistan, Azerbaijan, Iran, Kazakhstan, Republik Kyrgyz, Pakistan, Tajikistan, Turki, Turkmenistan dan Uzbekistan.
Kesatuan Eropah	Austria, Belgium, Bulgaria, Cyprus, Republik Czech, Denmark, Estonia, Finland, Perancis, Jerman, Greek, Hungary, Ireland, Itali, Latvia, Lithuania, Luxembourg, Malta, Belanda, Poland, Portugal, Romania, Republik Slovakia, Slovenia, Sepanyol, Sweden dan United Kingdom.
G-15	Algeria, Argentina, Brazil, Chile, Mesir, India, Indonesia, Iran, Jamaica, Kenya, Malaysia, Mexico, Nigeria, Senegal, Sri Lanka, Venezuela dan Zimbabwe.
GCC	Bahrain, Kuwait, Oman, Qatar, Arab Saudi dan Emiriyah Arab Bersatu.
IOR-ARC	Australia, Bangladesh, India, Indonesia, Iran, Kenya, Madagascar, Malaysia, Mauritius, Mozambique, Oman, Singapura, Afrika Selatan, Sri Lanka, Tanzania, Thailand, Emiriyah Arab Bersatu dan Yemen.
MERCOSUR	Argentina, Brazil, Paraguay, Uruguay dan Venezuela.
NAFTA	Kanada, Mexico dan Amerika Syarikat.
NAM	Afghanistan, Algeria, Angola, Antigua dan Barbuda, Bahamas, Bahrain, Bangladesh, Barbados, Belarus, Belize, Benin, Bhutan, Bolivia, Botswana, Brunei Darussalam, Burkina Faso, Burundi, Kemboja, Cameroon, Cape Verde, Republik Afrika Tengah, Chad, Chile, Colombia, Comoros, Congo, Ivory Coast, Cuba, Republik Demokratik Congo, Djibouti, Republik Dominican, Ecuador, Mesir, Equatorial Guinea, Eritrea, Ethiopia, Gabon, Gambia, Ghana, Grenada, Guatemala, Guinea, Guinea-Bissau, Guyana, Haiti, Honduras, India, Indonesia, Iran, Iraq, Jamaika, Jordan, Kenya, Kuwait, Lao PDR, Lebanon, Lesotho, Liberia, Libya, Madagascar, Malawi, Malaysia, Maldives, Mali, Mauritania, Mauritius, Mongolia, Maghribi, Mozambique, Myanmar, Namibia, Nepal, Nicaragua, Niger, Nigeria, Oman, Pakistan, Palestin, Panama, Papua New Guinea, Peru, Filipina, Qatar, Republik Korea Selatan, Rwanda, Saint Kitts dan Nevis, Saint Lucia, Saint Vincent dan the Grenadines, Sao Tome dan Principe, Arab Saudi, Senegal, Seychelles, Sierra Leone, Singapura, Somalia, Afrika Selatan, Sri Lanka, Sudan, Suriname, Swaziland, Syria, Tanzania, Thailand, Timor Leste, Togo, Trinidad dan Tobago, Tunisia, Turkmenistan, Uganda, Emiriyah Arab Bersatu, Uzbekistan, Vanuatu, Venezuela, Viet Nam, Yemen, Zambia dan Zimbabwe.
OECD	Australia, Austria, Belgium, Kanada, Chile, Republik Czech, Denmark, Estonia, Finland, Perancis, Jerman, Greek, Hungary, Iceland, Ireland, Israel, Itali, Jepun, Luxembourg, Mexico, Belanda, New Zealand, Norway, Poland, Portugal, Republik Korea Selatan, Republik Slovakia, Slovenia, Sepanyol, Sweden, Switzerland, Turki, United Kingdom dan Amerika Syarikat.
OIC	Afghanistan, Albania, Algeria, Azerbaijan, Bahrain, Bangladesh, Benin, Brunei Darussalam, Burkina Faso, Cameroon, Chad, Comoros, Ivory Coast, Djibouti, Mesir, Gabon, Gambia, Guinea, Guinea-Bissau, Guyana, Indonesia, Iran, Iraq, Jordan, Kazakhstan, Kuwait, Republik Kyrgyz, Lebanon, Libya, Malaysia, Maldives, Mali, Mauritania, Maghribi, Mozambique, Niger, Nigeria, Oman, Pakistan, Palestin, Qatar, Arab Saudi, Senegal, Sierra Leone, Somalia, Sudan, Suriname, Syria, Tajikistan, Togo, Tunisia, Turki, Turkmenistan, Uganda, Emiriyah Arab Bersatu, Uzbekistan dan Yemen.
SAARC	Afghanistan, Bangladesh, Bhutan, India, Maldives, Nepal, Pakistan dan Sri Lanka.
SADC	Angola, Botswana, Republik Demokratik Congo, Lesotho, Malawi, Mauritius, Mozambique, Namibia, Seychelles, Afrika Selatan, Swaziland, Tanzania, Zambia dan Zimbabwe.
